

BAB DUA:

**KESUSASTERAAN ARAB:
Satu Sorotan Puisi (Syair)**

BAB DUA

KESUSASTERAAN ARAB: SATU SOROTAN PUISI (SYAIR)

2.1 Pendahuluan

Suatu perkara yang tidak dapat dinafikan ialah apabila kesusasteraan Arab dilihat dari sudut peringkat masanya, maka ia menjangkau tempoh yang agak lama, iaitu meliputi tempoh masa yang tidak melebihi 2000 tahun. Ia bermula sejak abad sebelum kedatangan Islam dan berterusan sehingga ke hari ini. (Osman Haji Khalid: 1994. 71-72) dalam Persuratan Islam, (1994), Hj. Muhammad Bukhari Lubis. ed.)

Jika dilihat dari segi daerah perkembangan dan percambahan kesusasteraan Arab pula, ia meliputi berbagai-bagai daerah. Pada peringkat awalnya, ia bercambah di Semenanjung Tanah Arab pada zaman jahiliah atau pra Islam sehingga ke zaman awal Islam.

Kemudian ia melampaui perbatasan geografi dan politik Semenanjung Tanah Arab yang meliputi kawasan di negeri Syam, Iraq dan Afrika Utara. Kawasan ini kemudiannya dikenali sebagai Dunia Arab yang terdiri daripada negara Arab Saudi, Yaman, Emiriyah Arab Bersatu, Kuwait, Bahrain, Oman, Qatar, Syria, Iraq, Jordan, Palestin, Mesir, Sudan, Libya, Tunisia, Morocco, Algeria, dan Mauritania.

Selain daripada kawasan tradisi tersebut, terdapat 2 lagi daerah yang terkeluar dari daerah tradisi yang menyaksikan percambahan dan perkembangan kesusasteraan Arab

dengan ciri-cirinya yang tersendiri, pertama; kesusasteraan Arab Andalus dan kedua; kesusasteraan Arab Mahjar. (kesusasteraan masyarakat Arab yang berhijrah ke negara luar terutamanya ke Amerika Selatan dan Utara).

2.2 Pengertian Kesusasteraan Arab

Menurut Syawqiy Dayf, (1961 : 7), jika kita merenung kembali kepada etimologi perkataan “adab” di zaman jahiliah dahulu, nescaya tidak dijumpai perkataan tersebut melainkan pada sebuah bait syair yang dideklamasikan oleh Tarafah bin al ‘Abd yang memberi erti pelawaan untuk menjamu selera atau menjamah makanan seperti yang berikut.

نَحْنُ فِي الْمَشْتَأْدَةِ نَدْعُو الْجَفَلَىٰ * لَا تَرِى الْآدَابَ فِيْنَا يَتَقَرَّ

Maksudnya:

Kami di musim sejuk mengundang tetamu
menikmati makanan
Tidak kau lihat jamuan makanan di
kalangan kami itu tercela

Maka daripada perkataan adab tersebut diderivasikan menjadi perkataan **المَادَبَةُ**

bermakna makanan yang terhidang untuk tetamu. Seterusnya ia menjadi **أَدَبٌ بِـأَدَبٍ** yang memberi erti membuat makanan atau menjemput orang menikmati makanan tersebut.

Tidak terdapat perkataan lain selain perkataan “adab” yang wujud di dalam bait syair Tarafah ini yang menunjukkan bahawa ia mendatangkan satu makna lain selain makna

yang dinyatakan di atas. Tetapi walaupun demikian, perkataan ini telah digunakan oleh Baginda s.a.w di dalam sabda Baginda dengan maksud kemuliaan akhlak.

أَدْبَرِي رَبِّيْ فَاحْسَنْ تَأْدِيْ

Maksudnya:

Allah mendidikku dan itulah sebaik didikan

Begitu juga seorang penyair dua zaman (Pra Islam dan Islam), iaitu Saham bin Hanzalah al-Ghanawi berkata di dalam syairnya:

لَا يَمْنَعُ النَّاسُ مِنِّيْ مَا أَرَدْتُ وَ لَا * أَعْطِيهِمْ مَا أَرَادُوا حُسْنٌ ذَا أَدْبَرِ

Maksudnya:

“Manusia tidak menghalang apa yang aku
kehendaki, dan tidak
ku berikan mereka apa yang mereka kehendaki
tetapi kepada mereka yang mempunyai akhlak yang
murni sahaja”

Bait ini memberikan kita satu gambaran bahawasa perkataan tersebut telah digunakan dengan berbagai-bagai makna selain hissi (konkrit) (seperti di dalam bait syair Tarafah), tetapi teks penggunaan perkataan tersebut di dalam syair mahupun prosa tidak sampai kepada pengkaji-pengkaji sastera Arab moden untuk menyokong pendapat ini.

Kesimpulannya, pengkaji-pengkaji menyatakan bahwasanya perkataan ini telah berlaku padanya perubahan makna. Perubahan daripada makna yang berbentuk konkret adalah seperti menjemput seseorang untuk menjamu selera kepada sesuatu yang lebih bersifat abstrak, iaitu menjemput atau menyeru seseorang ke arah kemurniaan dan kemuliaan akhlak.

Di zaman Kerajaan Bani Umayyah, perkataan ini selain daripada menunjukkan kepada kemurniaan akhlak, ia juga menunjukkan kepada makna pendidikan. Ini berdasarkan kepada wujudnya satu golongan masyarakat yang dikenali sebagai pendidik atau guru yang dipanggil **الْمُؤَدِّبُونَ** (al-Muaddibīn).

Mereka ini mendidik anak-anak pemerintah dengan ilmu pengetahuan dan kebudayaan Arab sebagaimana yang dikehendaki oleh seseorang pemerintah itu. Anak-anak tersebut dididik dengan puisi, pidato, sejarah keturunan, politik dan perperangan yang berlaku di zaman Jahiliah dan Islam.

Dengan menggunakan perkataan “adab” yang mencerminkan pengetahuan yang disebut di atas, maka ia menjadi antonim kepada perkataan ‘ilm yang lebih menjurus ke arah al-syarī ‘at al-islāmiyyat dan segala pengajian yang mempunyai kaitan dengannya seperti ilmu Fiqh, Hadīth Nabawiy dan Tafsīr al-Qurān al-Karīm.

Apabila kita berpindah pula ke zaman Kerajaan Abbasiah, kita dapati makna *tahdhīb* (pemurniaan) dan ta ‘lim (pendidikan) itu bertentangan dari sudut penggunaannya. Ibn al-Muqaffa¹ telah menulis dua buah karya; pertamanya dinamakan ‘al-Adab al-Ṣaghīr² manakala yang keduanya pula dinamakan dengan ‘al-Adab al-Kabīr³

Ia merupakan satu risalah sastera yang mengandungi rangkaian kata-kata hikmat,

¹Berbangsa Parsi. Namanya Ruzbeh bin Dazuch. (al-Bayān wa al-Tabyin Jld. 1/1150)

²Ibn al-Muqaffa¹ memulakan bukunya dengan satu mukaddimah yang membincangkan tentang kelebihan ilmu pengalaman orang terdahulu, kepentingan membaca buku-buku mereka serta mengambil contoh daripada kata-kata mereka. Manakala wasiat dan kata-kata hikmat tersebut dikumpulkan dibawah 3 tajuk: 1- Tajuk yang berkisar di sekitar kekuasaan (Sultan, Pembesar dan pegawai) 2- Tajuk yang berkisar tentang persahabatan 3- Tajuk yang berkisar tentang kata-kata hikmat dan wasiat-wasiat am. (Ensiklopedia Safir. 1990. Jld 10. 205. Kuala Lumpur : DBP)

³Dua risalah ditulis Ibn al-Muqaffa¹ berpandu kepada pandangan mereka yang terdahulu dan pepatah yang masyhur. Beliau menamakan kedua risalah tersebut sebagai ‘al-Adab al-Ṣaghīr’ dan ‘al-Adab al-Kabīr’. Risalah yang pertama mengandungi pengajaran tentang akhlak kesmasayarakatan yang menggesek kepada ilmu dan memperbaiki diri. Juga memberi peringatan tentang sahabat dan politik raja dan gubernor. Risalah yang kedua terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian yang pertama terbahagi kepada dua bab. Bab pertama ciri-ciri pemerintah dan bab kedua cara-cara bersahabat dengan pemerintah. Bahagian yang kedua mencerangkan tentang pemilihan sahabat dan berbuat baik dengannya dan perkara yang bersangkutan dengan sahabat.(Ibn al-Muqaffa¹. (1987). al-Adab al-Ṣaghīr wa al-Adab al-Kabīr. Beirut: Dar Maktabat al-Hayāt)

tataetika, panduan dalam bidang sosial dan politik yang menggesa masyarakat menjurus ke arah kebaikan hidup individu dan bermasyarakat.

Dengan makna yang sama juga Abū Tammām⁴ (232 H/ 846 M) telah menulis di dalam antologi koleksi syairnya yang bernama *Diwān al-Hamāṣat* (epic poem -puisi keahlawanan - Bochtor: dlm. *The Encyclopedia of Islam*: 1986. Jld. 3/ 111. Col. 2) menceritakan di dalamnya tentang moral (adab) di dalam satu bab daripada sepuluh bab yang terdapat di dalam koleksi syair tersebut (*The Encyclopedia of Islam*, 1986: 111).

Tidak ketinggalan al-Bukhāriy⁵ (256 H/ 870 M) di dalam kitab *al-Adab dan Jāmi'* *Şahīḥnya* yang terkenal di dalam ilmu Ḥadīth.

Manakala pada kurun yang sama juga iaitu ke 2 dan 3 Hijrah, perkataan "adab" ini telah digunakan untuk merujuk kepada pidato Arab dan sejarah mereka seperitimana di dalam buku yang ditulis oleh al-Jāḥīz⁶ (255 H) yang berjudul *al-Bayān wa al-Tabyīn*. Di dalamnya terkumpul berbagai cerita tentang sejarah, pidato dan aplikasinya, cerita-cerita pelik berserta beberapa pemerhatian tentang kritikan terhadap kelompok Sya'ubiyyat (penyokong gerakan anti-Arab) dan retorik.

Ibn Khaldūn berkata⁷ sumber ilmu adab ada empat ; i-*Adab al-Kātib* - ibn al- Qutaybah; ii- *Kitab al-Kāmil* – al-Mubarrad; iii- *al-Bayān wa al-Tabyīn* – al-Jāḥīz; iv- *al-Nawādir*

⁴Hāfiẓ bin Aus al-Ta’īc. Penyair handalan zaman al-Abbasiyah. Dilahirkan di Djasim (antara Damasyk dan Tiberias) tahun 188 H/ 804 M. Cenderung kepada mazhab ahli Syam di dalam syairnya.

⁵Muhammad bin Ismā'īl al-Bukhāriy. Seorang pengumpul hadith termashyur. Al-Jāmi' al-Sahīb dianggap sebagai kitab kedua sebagai sumber rujukan selepas al-Quran al-Karim.

⁶Abū Uthmān ‘Amru bin Bahr al-Kināñī. Antara penulis agung Arab. Dilahirkan di Baṣrah. Hidup di zaman Hārūn al-Rashīd dan al-Ma'mūn. Menghidapi lumpuh separuh badan. Dikatakan beliau mati ditimpah berjilid-jilid buku. Karangan beliau yang termashyur adalah *al-Hayawān*, "al-Bukhālī" dan *al-Bayān wa al-Tabyīn*. Beliau digelar al-Jāḥīz kerana kedua matanya yang tersembul. (*al-Hayawān*,(tt). Al-Jāḥīz. Jld. 1/3)

⁷Muhammad bin ‘Abd Rahmān bin Khaldūn: 1989 : 553. Cet. 7. *Muqaddimat* ibn al-Khaldūn. Beirut : Dār al-Qalam. 1332-1395 M. Bapa Sosioologi Dunia. *Al-Muqaddimat* adalah kitab yang mengharumkan nama beliau. Selain itu kitab al-'Ibar dan al-Tasrif.

– Abū ‘Alī Qāli al-Baghhdāiy.

Begitu juga buku yang ditulis al-Mubarrad⁸ (285 H) yang dinamakan al-Kāmil fī al-Lughat wa al-Adab. Perbicaraan buku tersebut adalah berkenaan hadith Nabi s.a.w, sejarah ulama silam, kata-kata hikmat dan pepatah pepatih ianya juga dipenuhi dengan rencana-rencana prosa dan syair. Walaupun demikian, perbahasan hanya tertumpu kepada sudut bahasa semata-mata (always from a the point of view of Adab) yang amat menarik berbanding hasilan minda mereka yang sezaman dengannya. (The Encyclopedia of Islam. 1993:280. Jld. 7)

Inilah bukti sepertimana yang ditulis pada pendahuluan penulisan beliau:

هذا الكتاب الفناء يجمع ضرورياً من الآداب ما بين كلام مثور و شعر مرصوف ومثل
سائر و موعظة بالغة و اختيار من خطبة شريفة و رسالة بلاغية

Maksudnya:

“Buku yang kami tuliskan ini mengumpulkan genre-genre kesusasteraan seperti prosa yang disusunkan, puisi yang mempunyai peraturan, pepatah-pepatih turun temurun, peringatan para ilmuan, khutbah yang dimuliakan dan surat yang diutuskan (kepada kawan dan lawan)”.

Tetapi perkataan adab ini tidak berhenti setakat makna pendidikan yang hanya menjurus ke arah pembuatan syair dan prosa serta yang mempunyai hubungan dari sudut lawak jenaka semata-mata, malah merangkumi setiap pengetahuan yang berbentuk bukan

⁸Abū al-Abbās Muhammād bin Yazid al-Thamalī al-Azādi. Pakar linguistik dan sastera Arab. Bermusuhan dengan al-Thālab. Dilahirkan di Basrah dan meninggal di Baghdad. Karyanya yang termashyur adalah al-Kāmil. Al-Mubarrid – He who affirms truth, al-Mubarrad – The cooled one (The Encyclopedia of Islam : 1993. Bosworth (ed), Jld. 7/280)

agama yang mampu membentuk peribadi manusia dari sudut kemasyarakatan dan budaya.

Dengan makna adab yang disebutkan tadi, kita dapat iaitu wujud di kalangan para Ikhwān al-Šafā⁹ pada kurun ke 4 yang mencatatkannya dalam penulisan mereka. Ia lebih luas merangkumi aspek bahasa, sastera, syariah Islam, matematik, alam, manusia dan ilmu-ilmu falsafah.

Ia mengandungi idea-idea mazhab kumpulan Isma ‘ie liyyat. Manakala Rasā'il Ikhwān al-Šafā pula terbahagi kepada 4 bahagian, i- Risalah Pengetahuan Matematik; ii- Risalah Pendidikan Jasmani; iii- Risalah Pendidikan Spiritual; iv- Risalah Ketuhanan dan Syariah Agama. (Ensiklopedia Safir, 2000: 824. Jld. 10-12)

Manakala pada zaman Ibn Khaldūn¹⁰ ('Abd Rahmān bin Muḥammad bin Khaldūn - 808 H) makna perkataan ini telah berubah sehingga meliputi keseluruhan pengetahuan samada agama ataupun bukan agama.

Ia merangkumi segenap jenis lapisan ilmu pengetahuan terutamanya ilmu retorik dan bahasa. Oleh yang demikian, kita dapat iaitu memberi takrif perkataan adab ini sebagai,

الأَدْبُ هُوَ حِفْظُ أَشْعَارِ الْعَرَبِ وَأَخْيَارِهِمْ وَالْأَخْدُ مِنْ كُلِّ عِلْمٍ بِطَرْفٍ

(Ibn Khaldūn: 1989: 553. Cet. 7)

⁹Golongan ahli falsafah. Mereka disatukan oleh kasih sayang dan janji setia. Menulis 51 karya dalam falsafah berjudul Rasā'il Ikhwān al-Šafā. Terbahagi kepada 4 peringkat. i- Pemuda 15-30 tahun; ii-Lelaki 30-40 tahun; iii- Shuyukh 40-50 tahun; dan iv- 50 tahun keatas. Pengasas 'Abdullāh bin Ma'mūn al-Qaddeh. 'Abd Mun'im Hīfi: (1993. 22) Mausūl 'at al-Firaq wa al-Jamā 'at Kaherah: Dīr al-Rasyād)

¹⁰Rujuk notakaki no. 7.

Maksudnya:

Adab ialah memelihara syair Arab dan sejarah mereka dan mempelajari atau mengambil setiap ilmu yang berkaitan dengannya.

Semenjak kurun ke 3 Hijrah, kita dapatkan bahawa perkataan ini sekali lagi mengalami proses evolusi makna buat kesekian kalinya. Ia memberi makna personaliti atau “style” yang perlu dijaga atau dipelihara oleh setiap golongan masyarakat tertentu.

Makna ini dapat dilihat dengan jelas di dalam karya Ibn Qutaibat,¹¹ iaitu Adab al-Kātib (mengandungi satu mukaddimah dan 4 bab. Setiap bab mempunyai beberapa bahagian. Bahagian 1: Kitāb al-Ma’rifat. Bahagian 2: Kitāb Taqwīm al-Yad. Bahagian 3: Kitāb Taqwīm al-Lisān. Bahagian 4: Kitāb al-Abniyyat (membincangkan tentang struktur kata kerja dan maknanya – 45 bab dan struktur kata nama dan maknanya – 53 bab) dan Adab al-Nadīm oleh Kusyājīm¹² (360 H).

Penulisan tentang adab dalam ertikata yang tersebut di atas ini berterusan seperti Adab al-Qādī, Adab Pemerintah, Adab Pertuturan, Adab Makan, Adab Bergaul, dan Adab Bermusafir. Manakala dalil yang diambil untuk menguatkan persembahan buku-buku ini adalah bersumberkan daripada potongan-potongan syair dan cerita-cerita menarik dan teladan.

Pada pertengahan kurun ke 18, perkataan ini terbahagi kepada 2 (dua) makna.

¹¹Abū Muhammād ‘Abdullāh bin Muslim al-Dinawāri (al-Kūfi) (al-Marwāzi) Lahir di Kūfah pada 213 H/ 828 M. Pakar bahasa dan sejarah Arab. Berilmu dan kuat beragama. Tinggal di Baghdad dan menjadi pemerintah al-Dainur. Cenderung kepada mazhab Bassrah tetapi terdapat juga pendapat mazhab Kūfah di dalam karangan beliau. (The Encyclopedia of Islam : 1986. Jld. 3/ 844. Leidin: E.J Brill) dan (Ensiklopedia Safrī. Jld. 10/ 887. Kuala Lumpur: DBP)

¹²Abū al-Fath Mahmūd al-Ḥussein al-Ramli . Penyair dan sasterawan. Berasal dari Ramallah, Palestin tetapi menetap di Halab, Syam (Syria). Penyair Abī al-Hayyā dan anaknya Saif al-Daulat. (Fiqh al-Lughah wa Sir al-‘Arabiyyah: 1989. 468. Abū Mansūr ‘Abd Mallīk bin Muhammād al-Thā’labī. Tahqīq Sulaimān Salīm al-Bawwāb. Damsyik: Dār al-Hikmat)

Pertamanya: Makna am, iaitu sinonim kepada perkataan Linguistik, setiap perkara yang ditulis mengenai bahasa walau apapun kandungan dan caranya samada ia berbentuk ilmu, falsafah, mahupun ia sastera tulin. Setiap yang dihasilkan oleh akal dan perasaan maka ia adalah “adab”.

Keduanya: Makna khas iaitu adab tulin yang tidak hanya berperanan menyampaikan makna perkataan malah ia perlulah menarik dan memberi kesan kepada jiwa pembaca dan pendengar sebagaimana ia dikenali di dalam bidang pembuatan syair dan prosa Arab seperti pidato, pepatah, kisah, teater dan epik. (Syawqiy Dayf, 1961: 26)

‘

2.3 Kesusasteraan Arab: Satu Sorotan Puisi (Syair)

2.3.1 Kesusasteraan Arab Zaman Jahiliah

Perbahasan tentang kesusasteraan Arab tidak memadai hanya dengan beberapa pengertian dan perbahasan frasa tersebut sahaja. Ia perlu difahami dari berbagai sudut terutama zaman-zaman yang telah menjadikan kesusasteraan Arab ini sebagai tonggak keilmuan dan kemasyarakatan.

Kesusasteraan selain daripada takrifan terdahulu juga adalah merupakan cermin bangsa. Masyarakat Arab Jahiliah tidak mempunyai tamadun dan kebudayaan yang bermutu tinggi kerana faktor geografi yang kering kontang, tidak mempunyai hubungan dengan dunia luar dan tidak ada perpaduan di kalangan mereka.

Mereka bukan sahaja gagal membentuk sebuah pemerintahan yang kukuh malah tidak juga dijajah oleh kuasa besar pada masa itu, Rom dan Parsi, kerana ketiadaan faktor yang menghairahkan dua kerajaan besar dunia tersebut di tanah yang gersang itu.

Justeru itu, mereka bebas daripada pengaruh agama, kebudayaan dan tamadun Rom dan Parsi. Namun demikian, mereka telah mencapai ketinggian dalam bidang kesusasteraan walaupun dalam bentuk lisan. Oleh kerana mereka bebas daripada penjajahan bangsa asing, maka kesusasteraan Arab memperlihatkan keAraban yang asli, tulen dan mutlak.

Dari segi ekonomi, mereka hidup dalam keadaan sederhana di atas bumi yang tandus, tiada pertanian, jalan perdagangan juga sukar kerana tidak selamat daripada rompakan

dan peperangan dan mereka sering menjadi mangsa rampasan harta dan pertumpahan darah.

Hal yang sama juga terlihat di dalam kesusasteraan. Kesusasteraan lisan mereka begitu sederhana dan pemikiran yang mudah tetapi mempunyai nilai estetika yang tinggi kerana dihasilkan oleh perasaan yang halus dan imiginasi yang tinggi. Walau bagaimanapun, hanya sebahagian sahaja daripada bangsa Arab Jahiliah yang dapat melonjakkan diri berada di persada seni syair yang disanjung dan dipuja oleh masyarakat melata.

Sebahagian mereka yang mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam sebuah masyarakat tertutup, tidak mempunyai media komunikasi kecuali lisan dan hidup dalam suasana ‘aṣabiyyat dan qabāielīyyat yang sangat jitu. Penyair sudah semestinya dikagumi ketika mendeklamasikan syairnya. Dia dibanggakan oleh setiap individu qabilah. Pendapat mereka lebih didengari daripada ketua kabilah. Malah mereka menjadi jurucakap kepada qabilah di dalam perbalahan dan pertempuran.

Mereka ditakuti raja, pemimpin dan golongan kaya. Serangkap syair mereka mampu menjatuh dan menggelapkan masa depan seseorang itu jika syair itu mencaciinya. Sebaliknya serangkap syair berupaya menaikkan darjat kemashyuran dan kehormatan jika syair itu memujinya. (Hifni Maḥmūd al-J ‘abariy, t.t : 110-111)

Oleh itu, ramai raja, pemimpin dan golongan kaya memberi hadiah dan upah yang lumayan kepada penyair yang memuji dan mencaci musuh mereka. ‘Umar al-Khaṭṭāb membayar 3000 dirham kepada al-Ḥuṭaiṭ. (Abū Mūlākāh Jarwāl al-‘Absi – 95 H) supaya beliau tidak lagi mencela dan mencaci kaum Muslimin pada masa itu.

(Muhammad Ibrāhīm Salīm, 1991 : 7) Benarlah Firman Allah dalam surah al-Taubah :

58,

فَإِنْ أَعْطُوهُمْ مِنْهَا رَضْوًا وَإِنْ لَمْ يُعْطُوهُمْ

مِنْهَا إِذَا هُمْ يَسْخَطُونَ

Maksudnya:

“Jika mereka diberi sedekah mereka berhati suka tetapi jika mereka tiada diberi tiba-tiba mereka marah”

Di daerah Arab Selatan, pengkaji tamadun Arab telah menjumpai pelbagai syair Arab yang digubah dalam abad ke 3 (200 M - 299 M) dan 4 Masihi (300 M - 399 M). Ini menjadi bukti kukuh untuk mengakui bahawa masyarakat Arab Jahiliah mempunyai nilai kesusasteraan yang bermutu tinggi.

Ia dideklamasikan di Pasar ‘Ukkāz, Daumat al-Jandal, al-Masyaqqr, ‘Ummān dan sebagainya setiap tahun. Ia merupakan medan sayembara syair tahunan dan syair yang terbaik ditulis dengan tinta emas dan digantung di dinding Kaabah dan dikenali sebagai al-Mu ‘allaqāt. (Hifni Mahmūd al-J ‘abariy, t.t.: 46-47) Walaupun amalan tersebut berusia dua abad, tetapi dalam jangka masa itu hanya sebanyak sepuluh puisi yang layak diberi taraf al-Mu ‘allaqāt. (Ismā ‘il R. Fārūqī dan Lois Lamyā’ al-Fārūqī, 1999 : 73)

Terdapat tujuh penyair Arab yang mana syair mereka terpilih untuk digantung di Kaabah, iaitu Imrie' al-Qays¹³, Tarafah¹⁴, 'Amr ibn Kalthūm¹⁵, Zuhair¹⁶ (rujuk sub tajuk penyair), Hāris bin Hillizat¹⁷, 'Antarah¹⁸ dan Labīd¹⁹. Namun demikian terdapat lapan lagi penyair yang walaupun syair mereka tidak terpilih dalam al-Mu 'allaqāt tetapi kecemerlangannya juga diakui setanding dengan al-Mu 'allaqāt iaitu Nābigha²⁰, 'Alqamāt²¹, Taabbatā Syarran²², Syanfarā al-Šā 'lük²³, 'Anz, Ibn Ḥajar²⁴, Ḥātim al-Ta'ie²⁵, dan Samuel (Yahudi)²⁶.

¹³ Imrie' al-Qays (rujuk sub tajuk)

¹⁴ Penyair jahili peringkat atasan. Dilahirkan di Bahsin. Berpindah nindah di sekitar Nejd. Menjadi penyair 'Amr bin Hind kemudian dibunuh oleh pemerintah Bahsin atas perintah 'Amr bin Hind ketika dilaksanakan Tafsīf pemah menghaluskan syair yang mencula 'Amr bin Hind. Umumnya ketika dibunuh sekitar 20 – 26 tahun (Jāmīyah 'Asy 'ār al-Arb. 197) dalam asy Syi'r wa al-Syū'a'ī: 88-89)

¹⁵ 'Amr bin Kalthūm bin Malik bin 'Attāb dari Bani Tagħlib. Penyair jahili peringkat atasan. Dilahirkan di utara Semenanjung Tanah Arab. Amat kuat jati diri. Mengelapai kaumnya Tagħlib dan mempunyai usia yang lanjut. Membunuh Raja 'Amr bin Hind. Mati di al-Jazīrat al-Furātiyyat tahun 584M / 40 S.H

¹⁶ Zuhair (rujuk sub tajuk)

¹⁷ Al-Ḥarith bin Hillizat dari Bani Yasykur bin Wā'il berasal dari Iraq. Ketua kaum. Berusia lanjut dan meninggal dunia pada tahun 42 S. H (580 M) Tidak banyak menghasilkan al mu 'allaqat melainkan yang terkandung di antara al Mua 'allaqat al-Sab'a Syairnya menjerus ke arah al-fikhr dan al-hamasa.

¹⁸ 'Antarah (22 SH/ 600 M) 'Antarah bin Syaddād bin 'Amr bin al-Mu 'awiyyaḥ bin Qirad bin al-'Abs. Tergolong daripada pahlawan Arab terbilang. Penyair kelas pertama. Berasal dari Nejd. Ibunya berbungsa Habṣiy bernama Zabība

¹⁹ Labīd bin Rabī'ah bin Ja'far bin Kilāb al-'Āmiri. Tergolong di dalam penyair jahili tersohor dan pahlawan Arab. Mati dibunuh Banu Asad dalam perpeperangan antara kaumnya dan Banu Asad. Memeluk Islam. Meninggal dunia pada zaman Mu 'awiyyaḥ ketika berumur 157 tahun. (Jāmīyah 'Asy 'ār al-Arab. ms 26)

²⁰ al-Nābighaṭ al-Zubayrī (18 SH/ 604 M) Ziyād bin Mu 'awiyyaḥ bin Dhubbāb al-Zubayrī al-Ghāfiṭāni al-Madori. Penyair jahili kelas pertama. Mempunyai hubungan rapat dengan Nu'mān al-Mundhir sehingga perlaku perselisihan faham dan menghilangkan diri di Syam beberapa ketika. Pulang semula bersama Nu'mān al-Mundhir selepas beliau diampunkan. (Tercatat dalam 'Ithħar al-Nābighaṭ)

²¹ 'Alqamāt 'Abadah al-Fahl (20SH/ 603 M) 'Alqamāt bin Nasīrah bin Qays. Daripada suku Bani Tamim. Penyair jahili kelas pertama. Sezaman dengan Imrie' al-Qays

²² Taabbatā Syarran : Jaguh lari dan pahlawan Arab terbilang. Syairnya indah. Al-Mufaddal al-Dhabbi memulakan al Mufaddaliyyatnya dengan syair beliau. (Fiqh al-Lughat wa siar al-'Arabiyyat: 1989. Abū Mansūr Abd al-Malik bin Muḥammad al-Thā'labī. Tahqīq Sulaimān Salīm al-Bawwāb. Damsyik: Dar al-Ḥikma)

²³ Al-Syanfarā (70 S.H) : Penyair jahili Yamani. Penyair peringkat kedua. Salah seorang penyair terbilang dan terbuang daripada kaumnya. Dikenali sebagai al Sa 'lūk. Dibunuh Bani Salāmān. Syairnya yang termashyur dikenali sebagai Lāmiyat al-Arab. (ms 460)

²⁴ Ibn Ḥajar (98 SH - 2 SH/ 530 M - 620 M) 'Aus bin Ḥajar bin Malik al-Tamīni. Abu Syurayh. Penyair Bani Tamim tersohor. Bapanya adalah suami kepada ibu Zuhayr bin Abī Sulmā. Gemar mengembarni walaupun bagaimanapun sering menetap di samping 'Amur bin Hind di Hirah. Bani Tamim mengagungkannya sehingga mencobatkan beliau sebagai penyair Arab terulung.

²⁵ Ḥatīm al-Ta'ie (46 SH/ 578 M) Ḥatīm bin 'Abdullāh bin Sa'ad bin Khāsyrajj al-Ta'ie al-Qahtāni Abū 'Adī. Pahlawan Arab, penyair, pemurah sehingga dijadikan sebagai idola sifat pemurah. Berasal dari Nejd lalu berpindah ke Syam dan berkahwin dengan Mawīnah binti Hijr al Ghassāniyyah. Banyak menghasilkan syair tetapi holang kebanyakan daripadanya. Meninggal pada tahun ke 8 kelahiran Baginda SAW

²⁶ Samuel (65 SH / 560 M) Samuel bin 'Aridh bin 'Adiya' al-Azdi. Penyair jahili berasal daripada Khaibār (terletak di utara Madinah) dan kotanya bernama al-Ablaq.

Penyair-penyair zaman tersebut juga dikenali sebagai al-syu' ‘arā’ al-jāhiliyyāt dan ada di antara mereka yang memeluk Islam menerima seruan Rasulullah s.a.w seperti Ḥassān bin Thābit (penyair mukhadram- penyair yang hidup pada zaman Jahiliah dan Islam. Lihat 2.3.2.2) dan Labīd bin al-Rabī‘ at (Lihat notakaki no.19). Banyak faktor yang mempengaruhi bangsa Arab Jahiliah sehingga mereka berupaya mendatangkan karya kesusasteraan yang mengagumkan.

Syair Arab Jahiliah mempunyai tema tersendiri, iaitu pengorbanan, sabar, lurus hati, tepat janji, padang pasir, tempat bersejarah, kecantikan kuda dan unta, kehidupan qabilah, guruh, petir, kegagahan kaum, peperangan, rindu dendam, dan pujian terhadap pahlawan.

Antara faktor tersebut ialah perasaan semulajadi bangsa Arab yang halus dan daya imaginasi mereka yang tinggi menyebabkan mereka berupaya mengubah syair yang bermutu tinggi dan indah. Alat komunikasi tunggal yang ada pada mereka ialah bahasa. Mereka menggunakan bahasa untuk menceritakan pengalaman perjalanan dan pengembaraan mereka di padang pasir, keindahan haiwan ternakan, peristiwa peperangan dan rampasan.

Dalam keadaan hidup ‘aṣabiyyāt dan qabāielīyyāt yang menyebabkan mereka berusaha mengobarkan semangat kepahlawanan dan peperangan serta membala dendam, ternyata syair mereka amat berkesan. Mereka juga perlu merakamkan peristiwa penting yang dialami qabilah mereka dan memberikan nasihat kepada ahli kabilah dengan menggambarkan keagungan datuk nenek mereka dahulu dengan menggunakan bahasa yang indah.

Sayembara mendeklamasikan syair yang diadakan pada setiap tahun di Pasar ‘Ukkāz dan lainnya merupakan antara faktor yang terpenting yang menyemarakkan lagi kegigihan penyair Arab Jahiliah untuk mengubah syair yang berakhir dengan terciptanya syair al-Mu ‘allaqāt.

Syair-syair al-Mu ‘allaqāt dihafal, diajar dan diturunkan daripada generasi ke generasi yang lain sebagai bukti betapa gigih sekali Arab Jahiliah memelihara ketulinan dan keagungan syair mereka. Syair mempunyai pengaruh yang lebih besar daripada prosa seperti pidato.

Hal ini menyebabkan ia terus masuk ke dalam sanubari pendengar tanpa perlu pemahaman yang mendalam dan boleh dialunkan dengan lagu. Sedangkan pidato menghendakkan pendengar berfikir terlebih dahulu sebelum dapat menghafalkannya. Syair merupakan puncak khayalan dan gelojak hati penyairnya. Di sinilah terletak kelebihan penyair Arab Jahiliah . Contohnya, seperti syair Imrie’ al-Qāys,

وَلِيلٌ كَمْوَجٌ الْبَحْرِ أَرْسَخِي سُدُولَهُ * عَلَيَّ بِالنَّوَاعِ الْفَهُومِ لِيَتَلَى
فَقُلْتُ لَهُ لَا تَمْطَئِنْ بِصُلْبِي * وَأَرْدَفْتُ أَعْجَازًا وَنَاءَ بِكَلْكَلِ
أَلَا إِيَّاهَا اللَّيْلُ الطَّوِيلُ أَلَا النَّجَلِي * بَصْبُرْتُ وَمَا الْإِصْبَاحَ مِنْكِ بِأَمْلِ

(al-Zauzani, 1988 : 10)

Maksudnya:

“Malam bagaikan ombak laut bergulung melabuhkan tirainya ke atasku dengan berbagai derita sengsara untuk menguji kesabaran dan ketahananku

Aku berkata pada malam apabila ia mengunjurkan badan dan meletakkan punggung serta memanjangkan dadanya (maksudnya mula menjelma sedikit demi sedikit bergerak begitu lambat)

Oh malam yang panjang! Sudi apalah kiranya engkau berlalu supaya hari siang menjelma tetapi sebenarnya hari siang juga tidak lebih baik malah sama dengan engkau wahai malam.

Syair di atas memperlihatkan bagaimana malangnya nasib penyair yang cuba meluahkan gelojak hatinya. Keresahannya begitu memuncak pada malam hari. Malam dirasakannya amat panjang. Pagi yang diharapkan datang segera dengan harapan dapat menghilangkan keresahannya.

Keindahan syair tersebut di atas terletak pada keupayaan penyairnya yang tidak menceritakan penderitaannya secara langsung malah membawa perumpamaan seolah-olah mengajak malam berbicara dengannya sebagai teman untuk dia meluahkan perasaan duka dan resahnya.

Khayalan penyair Arab Jahilia amat hebat sekali. Contohnya dapat dilihat dalam syair berikutnya,

* مَكْرٌ مَفْرُ مُقْبِلٌ مُذْبِرٌ مَعًا كَجَلِمُودٍ صَغِيرٍ حَطَّةٌ السَّيْلُ مِنْ عَلِيٍّ

* كُمَيْتٌ يَزْلُ اللَّبْدُ عَنْ حَالِ مَتَهٍ كَمَا زَلَّ الصَّفَوَاءُ بِالْمُنْتَزَلِ

* إِذَا جَاشَ فِيهِ حَيْهُ غَلَى مِرْجُلٍ عَلَى الذَّبَّلِ جَيَاشٌ كَانَ اهْتَامَهُ

Maksudnya:

"Kuda tersebut cukup pantas dan tangkas semasa berpaling, berlari, sewaktu mara dan berundur.

Pergerakan tersebut dilakukan bersekali tanpa selangan waktu sehingga ia bagaikan batu besar yang dihumbangkan arus banjir dari kemuncak yang tinggi.

Kuda tersebut amat pantas, kalau budak-budak yang kurus menunggang akan tercampak dari belakangnya, orang yang gagah dan gemuk akan terkuak kainnya”

Penyair Arab Jahiliah juga begitu berkesan sekali melukiskan tentang keberanian pahlawan mereka. Contohnya seperti keberanian pemuda bernama ‘Antarah bin Syaddād al-‘Absyi seperti yang berikut:

سَلِيْ يَا عَيْلَ قَوْمَكِ عَنْ فَعَالِيْ * وَمَنْ حَضَرَ الْوَقِيْعَةَ وَالطَّرَادَا

وَرَدَتْ الْحَرْبَ وَالْأَبْطَالُ حَوْلِيْ * تَهُزُّ أَكْفَهَا السُّمْرَ الصَّعَادَا

وَخُضْتَ بِعَهْجَقِ بَغْرَ المَنَابِيَا * وَنَارُ الْحَرْبِ تَثْقِدُ اتْقَادَا

Maksudnya:

“Tanyalah wahai ‘Abla (kekasihnya) kepada kaummu tentangku dan mereka yang menghadiri peperangan dan pemburuan. Aku mengharung peperangan dan pahlawan-pahlawan di sekelilingku yang menghayunkan tangan-tangan mereka ke atas dan aku merempuh lautan kematian dan api peperangan sedang menyala dengan maraknya”

Syair yang tersebut di atas walaupun pendek tetapi membawa makna yang dalam dan berat. Pertama: Kejayaan penyair menggambarkan kejaguhannya. Kedua: Keadaan peperangan yang berjaya diharunginya tanpa permasalahan.

Dalam masyarakat Arab Jahiliah, prosa mendahului syair kerana syair memerlukan kepada wazan atau neraca dan memerlukan kepada daya fikir yang tinggi. Sedangkan prosa seperti air yang lepas bebas dan sesiapa yang mempunyai bahasa yang indah mampu mengubahnya.

Selain itu, tidak semua bangsa Arab mempunyai bahasa yang indah yang mampu menggubah syair. Syair lahir setelah masyarakat Arab mencapai kemajuan yang tinggi di dalam bahasa. Syair lahir terkemudian daripada prosa tetapi lebih awal daripada kedatangan Islam.

Ia dipercaya lahir sebelum abad masih lagi tetapi hilang begitu sahaja kerana tiada tulisan yang dapat mengabadikannya. Syair yang kekal adalah syair yang dihasilkan pada 2 abad sebelum kedatangan Islam kerana adanya hafalan yang diwariskan dari generasi ke generasi yang lain.

Selepas kedatangan Islam, ia dibukukan setelah dilakukan pengumpulan terhadap catatan – catatan peribadi yang diajarkan dari satu generasi kepada yang lainnya dan disebarluaskan pada zaman Islam. Ia kemudiannya dikumpulkan daripada qabilah-qabilah Arab dan dibukukan oleh ulama syair seperti Ḥammād al-Rāwi, Khalaf al- Ahmar²⁷, Abū Bakar Khawārizme²⁸ dan al-Asma'īe.²⁹

Pada keseluruhannya, syair dikumpulkan daripada masyarakat Arab Badwi yang terkenal dengan kekuatan pemeliharaan warisan datuk nenek moyang mereka dan juga

²⁷ Khalaf al-Aḥmar (180 H) Abū Muhriz bin Khalaf bin Ḥayyān. Seorang perawi, penyair dan berpengalaman luas dengan sastera Arab. Berasal dari Basrat.

²⁸ Abū Bakar Muhammad bin al-Abbas (323 H – 383 H). Anak saudara al-Tabari. Salah seorang penyair handal dan dipercayai di dalam bidang bahasa dan sejarah. Dilahirkan dan membesar di Khawārizm. Kemudian berpindah, menetap dan meninggal di Nausabūr.

²⁹ Abū Sa'īd Abd al-Malik bin Quraib al-Asma'īe. Perawi Arab. Salah seorang pemimpin sastera. Pakar bahasa, puisi dan tempat. Hidup di Basrat tetapi banyak mengembala untuk menggali khazanah Arab daripada masyarakat Arab Badwi.

terkenal dengan penghafalan dan ingatan yang kuat. Mereka berfungsi sebagai sandaran dan rujukan bahasa Arab oleh ulama *nāḥw*, *balāghat* dan pakar bahasa Arab pada zaman silam.

Al-Muhalhil bin Rabī ‘at al-Taghlabi³⁰ dikatakan sebagai orang pertama yang menggubah syair pada zaman Jahiliah. Hal ini disebabkan semua syair yang dihasilkan pada zaman Jahiliah riwayatnya atau salasilahnya berakhir dengan beliau. Hanya 30 bait syair beliau yang dapat diabadikan dan yang lain hilang tanpa kesan.

Sebelum beliau, telah lahir banyak syair tetapi oleh kerana telah hilang dan tidak dapat dikesan lagi maka syair itu dianggap bermula dengan gubahan beliau. Penyair lain yang selepasnya yang masyhur pada zaman Jahiliah ialah Imrie’ al-Qays (rujuk sub tajuk), ‘Alqamat (notakaki no 21), ‘Abīd³¹ dan Tarafah al-‘Abd (rujuk notakaki no 14)

2.3.1.1 Tema Syair Zaman Jahiliah

Setiap ujaran mahupun syair dan prosa, mempunyai timbangan dan sebaliknya tidak dapat lari daripada motif dan maksud.

Syair dialunkan bermatlamatkan pelepasan jiwa yang bergelojak di dalam jiwa setiap penyair yang ingin dilepaskan seperti mana anak panah meluncur laju daripada busarnya. Sekiranya ia menepati sasaran maka ia akan dikategorikan sebagai syair yang baik, tetapi jika sebaliknya, maka hasilan yang diujarkan itu dianggap buruk.

³⁰ Al-Muhalhil bin Rabī ‘at – Adie bin Rabī ‘at bin Murrah bin Ḥubairah. Dari Bani Jasyim. Suku Taghlib. Raja saudara Imrie’ al-Qays. Digelar Muhalhil kerana beliau orang pertama membentuk syair (Halhala – nasaja syi ‘r) Jamharat Asy ‘ār al-Arab. 269) Abī Zayd Muḥammad bin Abī al-Khaṭṭāb al-Quraysyi . Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat)

³¹ ‘Abīd bin al-Abras (25 SH/ 600 M) ‘Abīd bin al-Abras bin ‘Auf bin Jasyim al-Asadi. Berketurunan Muḍar. Penyair dan golongan atasan pada zaman Jahiliah. Sezaman dengan Imrie al-Qays.

Antara motif syair yang biasa kedengaran bermatlamatkan seperti berikut,

(a) Ghazal (Tasybib- love poetry dan nasib – erotic poetry)

- Ia merupakan pujian terhadap kecantikan kekasih penyair, tempat tinggalnya dan segala yang berkaitan dengan peribadinya.

(b) Hamāsat atau Fakhr

- Ia merupakan kebanggan penyair terhadap keunggulan, kelebihan, keberanian dan kemenangan pahlawan sesuatu qabilah ke atas musuhnya.

(c) Madah

- Ia merupakan pujian penyair terhadap segala sifat yang terpuji yang dimiliki seseorang seperti kebesaran, kedermawanan, keberanian dan sebagainya.

(d) Rathā'

- Ia adalah kenangan penyair ke atas jasa seseorang yang telah mati. Sekaligus ia merupakan tangisan penyair ke atas kehilangan seseorang pahlawan yang dikasihi.

(e) Hijā'

- Iaitu ejekan dan cacian penyair terhadap seseorang musuh dengan mendedahkan segala keburukan dan kelemahannya.

(f) I ‘tidhār

- Iaitu penyair meminta maaf, mengaku kesalahan terhadap seseorang musuh dengan mendedahkan segala keburukan dan kelemahannya.

(g) Waṣf

- Iaitu penyair menggambarkan peristiwa, hal yang menarik, perjalanan, peperangan, pengembalaan dan keindahan alam.

2.3.1.2 Penyair-Penyair Masyhur Zaman Ini

a) Imrie' al-Qays

Berasal dari Kindat̄ daripada qabilah yang pernah berkuasa di Yaman. Beliau juga dikenali sebagai penyair Yaman (Hadramaut). Bapanya bernama Ḥujur al-Kindi. Ibunya bernama Fāṭimat̄ binti Rabī' at̄, saudara Kulaib al-Taghlībiy, panglima Arab yang terkenal di dalam peperangan Basūs.

Beliau dibesarkan di Nejd daripada kalangan keluarga bangsawan dan suka berpoya-poya. Hobinya bermain cinta, mabuk, lupa kepada tanggungjawabnya sebagai anak raja yang bakal menjadi pemimpin qabilahnya.

Oleh kerana kelakuannya yang buruk, beliau sering diusir dari istana oleh bapanya. Ketika dalam buangan, beliau mengembara ke seluruh Tanah Arab bersama masyarakat badwi.

Beliau disenangi dan ditaati oleh masyarakat badwi kerana bermatlamatkan harta yang dipunyai Imrie' al-Qays. Mereka juga mengharapkan beliau menjadi penampang daripada lidah-lidah yang mengkritik.

Pada 538 M, beliau menuju ke Kostantinopal dengan sokongan daripada al-Hārith Abī Syammār al-Ghassāniy kepada Qaisar Yustaniyanus yang pertama. Qaisar berminat untuk membantu Imrie' al-Qays menuntut bela di samping meluaskan tanah jajahan Rom ke Semenanjung Tanah Arab.

Tetapi malangnya pada masa yang sama pemberontak dalam Kerajaan Rom cuba untuk menggugat kestabilan politik dalaman menyebabkan Qaisar Yustaniyanus membatalkan niatnya menyerang negeri yang bersempadan dengan Parsi itu.

Kelebihan Imrie' al-Qays mengatasi penyair Arab yang lain terletak pada keupayaannya menggubah syair yang mempunyai daya khayal yang tinggi, pengalamannya yang luas dan perumpamaannya yang hidup. Dengarkan syairnya seperti berikut,

ولَيْلٌ كَمُونْجُ الْبَحْرِ أَرْخَى سُدُولَهُ * عَلَيَّ بِأَنْواعِ الْفُهُومِ لِيُسْتَلِي
فَقُلْتُ لَهُ لَمَّا ظَمَرَ بِصُلْبِهِ * وَارْدَفَ أَعْجَازًا وَنَاءَ بِكَلْكَلِ
أَلَا إِنَّهَا الْلَّيْلُ الطَّوِيلُ أَلَا الْجَلِيِّ * بِصُنْجٍ وَمَا الْإِصْبَاحُ مِنْكِ بِأَمْثَلِ
فِي لَكَ مَنْ يَلِيلُ كَانَ تَجْوِهَهُ * بِكُلِّ مَغَارٍ الْفَقْلُ شَدَّتْ بِيَنْدِيلِ
وَقَدْ أَغْتَدِي وَالظَّرِيرُ فِي وُكُنَاتِهَا * بِمُتَجَرِّدِ قِيدِ الْأَوَابِدِ هِينَكَلِ
مِكْرَ مَفْرَرٌ مَقْبِلٌ مُذْبِرٌ مَعَا * كَجَلْمُودٍ صَغِيرٍ حَطَّةٌ السَّيْلُ مِنْ عَلِ
يَزِيلُ الْفَلَامُ الْحِفْرُ عَنْ صَهَوَاتِهِ * وَيُلُوي بِأَنْوَابِ الْعَيْفِ الْمُنْقَلِ
لَهُ أَيْطَلاً ظَنِي وَسَاقًا نَعَامَةً * وَإِرْخَاءُ سِرْحَانٍ وَتَقْرِيبُ تَفْ
عَنْ لَنَا سِرْبٌ كَانَ نَعَاجَةً * عَذَارَى وَوَارِي فِي مُلَاءِ مَذَيْلِ
فَعَادَى عِدَاءً بَيْنَ ثَوْرٍ وَنَعْجَةً * دراكَا وَمَمْ يَنْضَجَ بِمَاءِ فِيْغَسْلِ

فَطَلَ طَهَاءُ الْلَّحْمِ مِنْ بَيْنِ مُنْضِجٍ * صَفِيفٌ شَوَاءُ أَوْ قَدِيرٌ مُعَجَّلٌ

(al-Zauzani, 1988 : 10)

Maksudnya:

“Malam bagaikan ombak laut bergulung melabuhkan tirainya ke atasku dengan berbagai derita sengsara untuk menguji kesabaranku dan ketahananku

Aku berkata pada malam apabila ia mengunjurkan badan dan meletakkan punggung serta memanjangkan dadanya (maksudnya mula menjelma sedikit demi sedikit bergerak begitu lambat)

Oh malam yang panjang! Sudi apalah kiranya engkau berlalu supaya hari siang menjelma tetapi sebenarnya hari siang juga tidak lebih baik malah sama dengan engkau wahai malam.

Apalah gerangannya malam ini terasa tidak bergerak bagaikan bintang-bitangnya ditambat di Bukit Yazbul(maksudnya penyair mengeluh dan mengadu kerana waktu malam yang berpanjangan dan lambat berakhir sehingga dirasakannya malam itu ditambat di bukit Yazbul dan tidak bergerak-gerak)

Aku keluar di waktu pagi sedang burung masih disarangnya dengan menunggang seekor kuda yang asli dan pantas sehingga kepantasannya dapat memintas binatang-binatang liar yang besar lagi tangkas.

Kuda tersebut cukup pantas dan tangkas semasa berpaling, berlari, sewaktu mara dan berundur. Pergerakan tersebut dilakukan bersekali tanpa selangan waktu sehingga ia bagaikan batu besar yang dihumbangkan arus banjir dari kemuncak yang tinggi.

Kuda tersebut amat pantas, kalau budak-budak yang kurus menunggang akan tercampak dari belakangnya, orang yang gagah dan gemuk akan terkuak kainnya.

Pinggangnya bagai pinggang kijang, kakinya bagai kaki burung kasawari, lompatannya bagai serigala dan cara lariannya dengan mengangkat kedua-dua kaki hadapannya bagai larian anak musang

Tiba-tiba muncul jauh di hadapan kami sekawan lembu liar yang berjalan lemah gemalai bagaikan gadis memakai kain labuh bertauk langkah mengelilingi patong sembahhan

Ia meluru mengejar kawan lembu itu dan berjaya menangkap seekor lembu jantan dan seekor lembu betina sekali lalu tanpa banyak mengeluarkan peluh Maka sibuklah tukang-tukang masak menyediakan makanan, ada yang dipanggang dan ada yang dimasak dalam belanga”.

b) Zuhayr bin Abī Sulmā

Merupakan salah seorang penyair terbilang zaman Jāhiliyyah. Kedudukannya adalah kedua selepas Imri’ al-Qāyṣ. Syairnya berbeza sama sekali daripada syair Imri’ al-Qāyṣ kerena beliau lebih memuatkan hikmat dan kesantunan yang tinggi di dalam syairnya.

Beliau berasal daripada Banī Ghāṭafān dan daripada keluarga penyair. Beliau mempelajari syair daripada Basyāmah bin Ghadir, iaitu saudara Aus Ḥujur. Beliau mempunyai budi pekerti yang mulia dan dihormati anggota qabilah.

Beliau merupakan pendamai antara dua qabilah, iaitu 'Abas dan Dhubyān yang telah berperang selama 40 tahun dengan menggalakkan beberapa pembesar untuk memberi 3000 unta sebagai tebusan yang dituntut oleh salah satu qabilah yang berperang itu. Pembesar yang membeli unta itu ialah Ḥaram bin Sinān dan Ḥārith bin 'Auf. Dengan kebijaksanaannya peperangan itu dapat ditamatkan. Peristiwa itu diabadikan di dalam syairnya (bait 17- bait 22) seperti berikut,

فَأَقْسَمْتُ بِالْبَيْتِ الَّذِي طَافَ حَوْلَهُ * رِجَالٌ بَنُوَّةٌ مِنْ قُرَيْشٍ وَجُرْحُمٍ

يَمِينًا لِنَعْمَ السَّيْدَانِ وُجِدْتُمَا * عَلَى كُلِّ حَالٍ مِنْ سَحِيلٍ وَمَبْرِمٍ

ئَدَارَكُثْمَا عَنْسَا وَذُبْيَانَ بَعْدَمَا * تَفَانُوا وَدَقُّوا بَيْنَهُمْ عَطْرٌ مَنْشِمٌ

وَكَذَلِقُثْمَا إِنْ تُدْرِكَ السَّلْمُ وَاسْعَا * بِمَالٍ وَمَغْرُوفٍ مِنَ الْقَوْلِ ئَسْلَمٌ

فَأَصْبَحْتُمَا مِثْهَا عَلَى خَيْرٍ مَوْطِنٍ * بَعِيدَيْنِ فِيهَا مِنْ عَقُوقٍ وَمَأْمَنٍ

عَظِيمَيْنِ فِي عَلْيَا مَعْدَ هَدِيشَمَا * وَمَنْ يَسْتَبِحْ كَثِيرًا مِنْ الْمَحْدَ يَعْظِمُ

(Cakera Padat Mausū 'āt al-Syi'r al-Arabiyy. 1999. Syarikat Komputer Arish)

Maksudnya:

"Aku bersumpah dengan Ka'bah yang ditawafi oleh cucu Quraisy dan Jurhum. Aku bersumpah bahawa kedua pemimpin qabilah yang telah menginfakkan wangnya untuk perdamaian ini adalah sebenar-benar penderma yang mulia. Baik bagi orang yang lemah mahupun bagi orang perkasa. Sesungguhnya kamu berdua telah dapat kesempatan untuk menghentikan

pertumpahan darah antara Bani 'Absin dan Zubyan setelah saling bermusnah-musnahan antara mereka.

Sesungguhnya kamu berdua telah berkata : Jika mungkin perdamaian itu diperolehi dengan wang yang banyak dan perkataan yang baik maka kami pun juga bersedia untuk berdamai. Sehingga dalam hal kami ini kamu berdua adalah termasuk orang yang paling mulia. Yang dapat menjauhkan kedua suku itu daripada permusuhan dan kemusnahan. Kamu berdua berhasil mendapatkan perdamaian walaupun kamu berdua daripada keluarga yang mulia semoga kamu mendapat hidayah dan barang siapa yang mengorbankan kehormatannya pasti dia akan mulia”

2.3.2 Kesusasteraan Arab Zaman Awal Islam

Kelahiran Islam merupakan kejutan kepada bangsa Arab. Tiada siapa antara mereka yang menyangka akan kelahiran agama Islam yang mampu mengubah cara hidup mereka. Lebih-lebih lagi apa yang diperjuangkan Islam itu pada keseluruhannya bertentangan dengan kepercayaan dan amalan jahiliah mereka yang telah diamalkan turun temurun. (Dr. Muṣṭafa Hj. Daud. 1994: 58)

Justeru itulah Rasulullah s.a.w mendapat tentangan yang amat hebat daripada masyarakat jahiliah pada awal peringkat penyebaran agama Islam. Penyair jahiliah menggunakan syair mereka untuk menentang Rasulullah s.a.w, Islam dan umat Islam. Oleh yang demikian, Rasulullah s.a.w menggalakkan penyair Islam agar mempertahankan Islam dengan menggunakan syair seperti yang dialunkan Ḥassān bin Thābit³³ ketika mengecam Abū Jahal ‘Amr bin Hishām, (Dr. Muḥammad Aḥmad Salāmat, 1983 : 40)

لَقَدْ لَعِنَ الرَّحْمَنُ جَمِيعًا يَقُوْدُهُمْ * دَعَى بَنِي شَجَعٍ لِحَرْبِ مُحَمَّدٍ

مَشْوُمٌ لَعِنْ كَانَ قَدْمًا مُبْغَضًا * يَبْيَنُ فِيهِ اللُّؤْمَ مَنْ كَانَ يَهْتَدِي

Maksudnya:

“Allah melaknat kumpulan yang diketuai Abu Lahab yang ingin memerangi Muhammad
Dicela, dilaknat, dimurkai,
Jelas kehinaan ke atas mereka kepada mereka yang beriman”

³³Penyair dua zaman (Jahiliah dan Islam) Memuji al-Ghasasīn dan al-Munīzīrah pada zaman Jahiliah. Beralih arah kepada pemujian Rasul s.a.w selepas hijrah dan mempertahankan Islam dan umatnya. Tidak pernah menyertai perperangan bersama Nabi s.a.w kerana penyakit yang dialaminya. Lahir dan meninggal di Madinah pada 54 H. (Iqīq al-Lughah wa Sir al-‘Arabiyyat: 1989. 472. Abū Maṣṣūr Abd Maṭlik bin Muḥammad al-Thā’ibī. Tahqīq Sulaimān Salīm al-Bawwāb. Damsyik: Dar al-Hikmah)

Walaupun mendapat tantangan dan rintangan yang hebat namun Islam tetap berkembang dan mendapat tempat di hati masyarakat dan seluruh Semenanjung Tanah Arab. Demikian juga halnya dengan kesusasteraan. Islam bertindak dengan menghapuskan sebarang jenis kesusasteraan Arab yang bertentangan dengan nilai-nilai ‘aqidah, syara’ dan akhlak.

Di samping itu, Islam memperkenalkan corak kesusasteraan baru tanpa menolak atau menafikan kesusasteraan yang tidak bertentangan dan berlawanan dengan Islam itu sendiri. Malah Islam telah menjadikan syair sebagai salah satu media komunikasi dakwah di dalam menyeru masyarakat Arab kepada menjadikan Allah yang Maha Esa sebagai Tuhan yang wajib disembah.

Islam juga bertanggungjawab menyebarkan bahasa Arab ke serata ceruk rantau yang diduduki pengikut Islam baru. Ianya tidak lain dan tidak bukan demi mempelajari al-Quran dan sunnah Baginda s.a.w yang sudah tentunya terteria dan terujar di dalam bahasa Arab.

Selain itu, Islam telah memperkayaan perbendaharaan kata bahasa Arab dengan penggunaannya yang meliputi seluruh aspek kehidupan berkesinambungan dengan Islam itu sebagai sebuah agama yang universal. Uslüb atau gaya bahasa al-Quran sebagai mukjizat mengatasi keindahan kesusasteraan Arab lama atau jahili.

Ia juga bertanggungjawab di dalam memperindah dan memperhaluskan lagi penggunaan bahasa Arab. Seperti perkataan solat yang bererti doa dari sudut etimologinya telah berubah kepada suatu kaedah perbuatan dan perkataan yang bermula dengan takbir dan diakhiri dengan taslim.

Prosa dengan cirian pidato telah berkembang dengan meluas sebelum Islam. Ia telah diperindah dan dibungai dengan kedatangan Islam di dalam perluasan skop kawasan dakwah di Semenanjung Tanah Arab khususnya dan sekitar semenanjung tersebut amnya. Ia sebagai salah satu media dakwah selain syair yang memberi kesan yang mendalam kepada pendengar.

Pidato memainkan peranan menaikkan semangat para mujahidīn di dalam menyebarkan Islam dan memberi perangsang dan semangat kepada mereka di dalam menghadapi musuh Islam. *Iqtibās* (petikan) daripada ayat al-Quran digunakan di dalam proses penyebaran dakwah Islāmiyyāt sehingga ia mudah dihafal dan difahami.

Ayat al-Qurān selanjutnya dipergunakan sebagai hiasan (*tauriyat*) di dalam pidato terutama yang berkaitan dengan perumpamaan, nasihat dan peringatan. Sebagai contoh, Muṣ'ab bin al-Zubayr³⁴ seorang pemidato terulung telah pergi ke Iraq untuk membantu 'Abdullāh bin al-Zubayr³⁵ mendapatkan ketaatan dan kesetiaan umat Islam kepada beliau.

Demikian juga dengan syair. Masyarakat Arab Jahiliah begitu takjub dengan syair kerana itulah sahaja media komunikasi tunggal mereka samada dalam situasi aman mahupun perang. Kedatangan Islam telah menyebabkan ketakjuban terhadap syair telah beralih arah kepada al-Quran.

³⁴Muṣ'ab bin Zubayr – Pemerintah Iraq mewakili 'Abdullāh bin al-Zubayr. Mati dibunuhi oleh 'Abd al-Malik bin Marwān bin al-Hakam pengasas kerajaan Bani Umayyah pada 65 H. (Sejarah Umat Islam: 1994, 256.HAMKA. Singapura: Pustaka Nasional)

³⁵'Abdullah bin Zubayr bin al-'Awwām. Bondanya Asmā' binti Abī Bakr al-Siddiq. Pemimpin gerakan al-Zubayriyyin berpusat di Hijaz. Mengangkat diri selaku Khalifah selepas kematian Muā 'wiyyat bin Abī Sufyān. Beliau disokong masyarakat Hijaz, Iraq, Mesir dan beberapa kawasan di Sham. Mati dibunuhi oleh al-Hajjāj bin Yūsuf al-Thaqafī.

ia berlandaskan bahawa al-Quran adalah dasar kepada agama dan memerlukan kesungguhan di dalam memahaminya di samping bahasanya yang memiliki keindahan yang begitu indah yang tidak pernah terlintas di fikiran masyarakat Arab sebelumnya.

Sehingga ada sebahagian penyair yang memeluk Islam, tidak lagi prolifik dalam menggubah syair. Walau bagaimanapun, masih ada yang mengubahnya tetapi dengan menggunakan al-Quran sebagai intipati lafaz mahupun makna demi menyebarkan agama yang dianuti.

Mereka tidak lagi menjadikan syair sebagai media berbohong, mengeji, mencaci dan memuji di luar kebenaran. Contohnya, Ḥassān bin Thābit memuji rombongan Banī Tamīm yang datang berjumpa Rasulullah s.a.w untuk memeluk Islam, (Dr. Muhammad Ahmad Salāmat. 1983: 300-301)

إِنَّ الدُّوَابِ مِنْ فِهْرِ إِخْوَنَمِ
قَدْ بَيَّنَا سُنَّتَ لِلثَّالِثِ تَبَّعَ
* * *
يَرْضَى بِهَا كُلُّ مَنْ كَانَ سَرِيرَةً
تَقْوَى الْإِلَهُ وَبِالْأَمْرِ الَّذِي شَرَعُوا
* * *
قَوْمٌ إِذَا حَارَبُوا ضَرَوْا عَدُوَّهُمْ
أَوْ حَاوَلُوا التَّقْعُ في أَشْيَاعِهِمْ تَفَعُّوا

Maksudnya:

“Sesungguhnya penghulu itu hanya daripada suku Fihr dan saudaranya yang telah menerangkan kepada manusia suatu agama agar diikutinya. Iaitu agama yang disenangi setiap orang yang hatinya bertaqwa kepada tuhan yang diikuti syariatnya. Kaum itu jika berperang akan membinasakan musuh mereka. Ataupun akan merebut kemenangan bagi pengikutnya.”

Namun demikian, penyair ini tidak menetapkan kesimpulan di atas kepada kaum musyrikin Makkah yang menentang Islam sepanjang masa dan ketika. Ini berikutnya wujudnya beberapa syair pada zaman tersebut yang menyentuh peribadi kaum musyrikin Makkah seperti syair berikut yang diujar Ka 'ab bin Mālik³⁶ semasa Perang Qardj.(Dr. Muḥammad Alḥmad Salāmat, 1983: 56)

أَتَحْسَبُ أُولَادَ الْلَّقِيَّةِ أَنَا
عَلَى الْخَلِيلِ لَسْتَ مِثْلَهُمْ فِي الْفَوَارِسِ

Maksudnya:

“Adakah anak-anak haram (‘Ainiyyat bin Husn dan saudara-saudaranya) tidak tahu bahawa kami adalah pahlawan berkuda seumpama mereka?”

Di samping itu Nābighat al-Ja ‘di³⁷ juga pernah memuji Rasulullah s.a.w melalui syairnya seperti berikut,

أَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ إِذْ جَاءَ بِالْهُدَىِ * وَيَثْلُو كِتَابًا كَأَجْرَهُ نَبِرًا
خَلِيلِيْ قَدْ أَقْبَلْتُ مَا لَمْ تُلَاقِيْا * وَسَرْتُ فِي الْأَحْيَاءِ مَا لَمْ تَسْرِا

Maksudnya:

“Aku datang kepada Rasulullah yang membawa petunjuk dan membacakan kitab al Quran dan yang membawa al Quran yang amat cemerlang. Wahai kedua kawanku aku telah menemui apa yang tidak kamu berdua temui dan aku telah melalui jalanan yang tidak kamu berdua lalui

³⁶ Ka 'ab bin Malik bin Abī Ka 'ab al-Khazraji al-Azdy al-Qahtaniy. Digelar Abū Basyir pada zaman Jahiliyah tetapi diubah Baginda s.a.w menjadi Abū 'Abdullah. Meninggal pada zaman Mu 'awiyyah tahun 55 H dalam keadaan buta.

³⁷ Nabighat – Qays bin 'Abdullah bin 'Udas bin Rabi 'at al-Ja 'di al-'Āmiri. Abū Lailā. Lanjut usia. Mashyur di zaman Jahiliyah. Dinamakan al-Nābighat (si cerdik) kerana selama 30 tahun beliau tidak pernah mengalunkan syair tetapi menjadi jagul secara tiba-tiba. Tidak menyembah berhala dan meminum arak semasa zaman Jahiliyah. Memeluk Islam di tangan Rasulullah saw. Menyertai Perang Siflin bersama Sayyidina 'Āli k.w dan seterusnya berhijrah ke Kufah. Meninggal pada 50 H / 670 M dalam keadaan buta dalam usia lebih 100 tahun. (Jamharat Asy 'ār al-Arab : 357)

2.3.2.1 Tema Syair Zaman Awal Islam

Kedatangan dakwah samawiyyah kepada masyarakat manusia telah menyebabkan terbentuknya dua puak di kalangan masyarakat Arab Jahiliah pada masa itu. Pertama: Kelompok fuqarā' dan ḍu 'afā' yang menantikan kedatangan satu gerakan al-iṣlāḥ untuk mereka serta dan ikuti, di samping para cendikiawan yang memerhatikan keadaan masyarakat dari jauh.

Kedua: Kelompok masyarakat kelas atasan dan kekuasaan yang mengolah perjalanan masyarakat kelas bawahan dan menentang sebarang gerakan atau pandangan yang bertentangan dengan keperluan fizik dan metafizik mereka.

Di samping itu terdapat golongan yang menentang sebarang seruan yang bertentangan dengan kehendak mereka mempunyai lidah-lidah yang menyokong sebarang tindakan mereka seperti 'Abdullāh bin al-Zab'ari, Abū Sufyān bin al-Hārith, al-'Abbās bin Mirdas, 'Amr bin al-'Aṣ, Dirar bin al-Khaṭṭāb dan lain-lain. (Muhammad Ahmad Salāmat, 1983 : 13)

Manakala golongan yang mengeji tuyrikin pula seperti Ḥassān bin Thābit, Ka'b bin Mālik dan 'Abdullāh bin Rawahah. (Dr. Muhammad Ahmad Salāmat, 1983 : 40) Selain daripada tema-tema yang sering digunakan oleh penyair-penyair zaman Jāhiliyyah, beberapa tema yang lain juga menjadi pilihan penyair Muslimin pada zaman ini. Walau bagaimanapun tema ini diubahsuai mengikut keadaan semasa.

Selain itu, tema yang menjadi pilihan utama penyair zaman awal Islam adalah hijā' (kejian). Kejian ialah tema yang paling diminati penyair kerana ia mampu menjatuhkan martabat dan reputasi sesebuah qabilah semenjak zaman Jahiliah kerana ia

bergandingan dan beriringan dengan fakhr (kebanggaan) dalam peperangan dan kehidupan mereka.

Sebagaimana yang ditanggapi, syair-syair yang diutarakan mempunyai berbagai aspek kejian memandangkan situasi dan provokasi yang berlaku di antara kaum muslimin dan musyrikin. (Dr. Muhammad Tāhir Darwis, (t.t : 397) Ḥassān bin Thābit dalam Dr. Muhammad Aḥmad Salāmat, 1983 : 40-41)

Kejian penyair-penyair Islam yang ditujukan kepada musuh-musuh mereka bertujuan untuk mempertahankan aqidah dan agama mereka. Walau bagaimanapun, beberapa sifat tercela dilemparkan kepada kaum musyrikin dengan tujuan untuk melemahkan semangat dan daya juang mereka.

Antara tema-tema tersebut adalah,

a) Kufur

- Tema yang popular di kalangan penyair Islam untuk dilemparkan kepada kaum Musyrikin. Ini dapat dilihat pada salah sebuah syair Ka ‘ab bin Malik yang menyifatkan mereka yang mendustakan Rasul sebagai kafir dan sesat.

إِنَّ الَّذِينَ يُكَذِّبُونَ مُحَمَّدًا * كَفَرُوا وَ حَنَّلُوا عَنْ سَبِيلِ النَّقِيٍّ

Maksudnya:

“Sesungguhnya mereka yang mendustakan Muhammad telah kufur dan sesat daripada jalan yang sebenar”

b) Celaka dan Khianat

- dua tema ini amat gemar diguna pakai dalam mencerca kaum musyrikin. Ḥassān bin Thābit tatkala mencela Abū Jahal ‘Amr bin Hishām berkata,

مَشُومٌ لَعِينٌ كَانَ قَدْمًا مُبْعَضًا * بَيْنَ فِيهِ الْلُّؤْمُ مَنْ كَانَ يَهْتَدِي

Maksudnya:

“Dicela, dilaknat, dimurkai,
Jelas kehinaan ke atas mereka kepada mereka yang
beriman”

2.3.2.2 Penyair-Penyair Masyhur Zaman Ini

a) Ḥassān bin Thābit

Beliau Ḥassān bin Thābit bin al-Mundhir bin Ḥaram al-Khazrajiy dari kalangan Banī Kahlān. Dilahirkan di Madinah dan penyair kepada Baginda Rasulullah s.a.w. Usianya pada ketika hijrah Baginda s.a.w ke Madinah adalah 60 tahun.

Abū ‘Ubaidah berkata: Hassan mempunyai 3 kelebihan ke atas penyair-penyair lain. Pertama: Beliau adalah penyair golongan Anṣār pada zaman Jāhiliyyah. Kedua: Penyair Nabi s.a.w pada zaman kenabian. Ketiga: Penyair berbangsa Yaman yang tersohor pada zaman awal Islam. (Dr. Muḥammad Aḥmad Salamat, 1983 : 291-292), (rujuk notakaki no. 33)

b) Ka ‘ab bin Mālik

Beliau Ka ‘ab bin Mālik bin Abī Ka ‘ab al-Khazrajiy dari kalangan Qahtāniyyin. Digelar sebagai Abī Basyīr pada zaman Jāhiliyyah tetapi Nabi s.a.w mengubahnya menjadi Abī ‘Abdillāh. Bapanya adalah antara pemuka-pemuka Yathrib sebelum kedatangan Islam.

Beliau meninggal dunia dalam pemerintahan Mu ‘āwiyyat tahun 55 hijrah pada usia 77 tahun dalam keadaan buta. (Dr. Muhammad Ahmад Salāmat, 1983: 250-251)

2.3.3 Kesusasteraan Arab Zaman Umawiyah

Keluarga Umayyah memperkenalkan pemerintahan monarki (beraja) yang menjadikan pemerintahan sebagai hak milik keluarga dan keturunan mereka sahaja. Ia merupakan keruntuhan kepada pemerintahan Islam yang diasaskan oleh Rasulullah s.a.w dan diperkuuhkan oleh pemerintahan Khulafā’ al-Rāsyidīn. Sekaligus ia tersasar daripada ajaran Islam.

Pemerintahan Islam di dalam pemilihan khalifah adalah berdasarkan kepada demokrasi di kalangan ahli syura. Orang yang terpilih adalah yang terlayak untuk memerintah kerana bebanan perlaksanaan tanggungjawab dan tugas keagamaan dan kenegaraan.

Pemerintahan Islam dirampas oleh Mu ‘āwiyyat bin Abī Sufyān dan mewariskannya kepada anakanda beliau Yazīd bin Mu ‘āwiyyat yang tidak sesuai dan layak untuk menerajui negara pada masa itu kerana kekurangan pengalaman dan keilmuan. Kerajaan Umawiyah dikecam sehingga menimbulkan pemberontakan di kalangan umat Islam semasa.

Namun demikian semua pemberontakan berjaya dipatahkan berbekalkan pengalaman dan kelicikan golongan Bani Umayyah. Semua masyarakat Islam pada masa itu berada dalam dilema, keresahan, ketakutan dan kacau bilau.

Di antara sebab-sebab wujudnya faktor kezuhudan di zaman Kerajaan Bani Umayyah di Iraq adalah kerana masyarakat di sana sudah muak dengan perperangan yang mengambil masa yang panjang juga kekuasaan dankekayaan yang masih berada di tangan Bani Umayyah dan sekutunya. (Syawqiy Dayf, 1991: 59)

Timbul pertembungan antara yang hak dan batil. Berlakulah perpecahan umat disebabkan faktor politik, kaum dan puak. Suasana ini mempengaruhi perkembangan kesusasteraan pada masa itu.

Untuk memperkuatkuhan penguasaan, Bani Umayyah melaksanakan dasar pecah dan perintah dengan menggalakkan perkembangan aşabiyyat Arab. Sifat yang berleluasa pada zaman Jahiliyah yang telah dihapuskan oleh Baginda s.a.w telah dihidupkan kembali dan memuncak demi kepentingan beberapa gelintir manusia

Golongan bukan Arab ('Ajam) diketepikan sehingga melahirkan benih Shu 'ubiyyat (arus 'Ajam untuk menentang Arab dan antara penyair mereka adalah Abū asy-Syamaqmaq) Golongan Syi 'at merupakan antara penentang Bani Umayyah yang terkuat. Mereka memperjuangkan agar pemerintahan Islam diterajui oleh ahli al-Bait iaitu keturunan 'Alī bin Abī Tālib.

Penentangan mereka terhadap Bani Umayyah semakin memuncak dengan pembunuhan yang dilakukan Bani Umayyah terhadap Ḥusayn bin 'Alī dan pengikutnya seramai 80

orang di Karbalā'. Penentangan mereka juga tidak terhad dengan menggunakan pedang sahaja malah melalui lidah dengan meledakkan kemarahan dan dakwaan mereka melalui syair.

Kematian Zayd bin ‘Alī selaku pemimpin Syi ‘at Zaydiyyat juga ditangisi dan diratapi penyair Syi ‘at Zaydiyyat di dalam sebuah syair seperti berikut,

وَعُطِلَتِ الْحَكَمُ حَتَّىٰ كَانَا * عَلَىٰ مِلْأٍ غَيْرِ الَّتِي نَشَحِلُ
أَهْلُ الْكِتَابِ نَحْنُ فِيهِ وَأَنْتُمْ * عَلَىٰ الْحَقِّ نَقْضِي بِالْكِتَابِ وَنَعْدِلُ
كَانَ كِتَابَ اللَّهِ يَعْنِي بِأَمْرِهِ * وَبِالنَّهِيِّ فِيهِ الْكُوْدُونِ الْمُرْكَلِ
فَتَلِكَ مُلُوكُ السُّوءِ قَدْ طَالَ مُلْكُهُمْ * فَحَتَّامَ حَاتَّمُ الْعَنَاءِ الْمُطَوَّلُ
وَمَا ضَرَبَ الْأَمْثَالُ فِي الجُورِ قَبْلَنَا * لَأَجْوَرُ مِنْ حُكَّامِنَا الْمُتَنَاهُ

Maksudnya:

“Undang-undang yang diselewengkan itu sehingga kita seolah-olah bukan berada di dalam agama. Adakah kami ini ahli kitab dan kamu di atas kebenaran sehingga kita boleh berhukum dengan al- kitab dan berlaku ‘adil? Seolah-olah kitab Allah dijaga oleh orang bodoh. Itulah raja-raja yang jahat telah lama pemerintahannya maka sampai bilakah akan berkekalan kesusahan ini. Tidak pernah diadakan perumpamaan mengenai kezaliman sebelum kami melainkan lebih zalim raja yang ada sekarang ini.”

Al-Kumayt bin Zayd al-Asadi³⁸ salah seorang penyokong Syi 'at seterusnya menganjurkan pemberontakan menentang pemerintahan Bani Umayyah di dalam syair beliau seperti berikut,

فَلْ لِبَنِي أُمَّةٍ حِيثُ حَلُوا * فَلْ لِبَنِي أُمَّةٍ حِيثُ حَلُوا

أَشْعَعَ مَنْ بَجُورُكُمْ أَجْبَعَا * أَجْاعَ اللَّهُ مَنْ أَشْعَعْمُوهُ

يَكُونُ حِلًا لِأَمْتَهِ رِبِيعًا * بِمَرْضِي السِّيَاسَةِ هَاشِمِي

Maksudnya:

“Katakan kepada Bani Umayyah di mana mereka berada sekiranya kamu takutkan pedang dan cemeti. Allah akan melaparkan sesiapa yang kamu kenyangkan dan akan mengenyangkan sesiapa yang kamu laparkan. Politik akan berada dalam keadaan stabil sekiranya ia berada di tangan Hashimiy.”

Bani Umayyah juga menghadapi pemberontakan dan tentangan daripada golongan yang tidak kurang hebatnya, iaitu Khawārij³⁹. Mereka pada mulanya merupakan pengikut setia Sayyidina 'Āli bin Abī Tālib k.w tetapi keluar daripada pakatan tersebut selepas kejadian di Majlis Tahkim yang menyebabkan terlucutnya Sayyidina 'Āli bin Abī Tālib k.w daripada jawatan khalifah.

Namun mereka juga sama seperti golongan Syi 'at yang membenci Bani Umayyah.

Malah mereka lebih keras kerana tidak bertolak ansur dan menghalalkan darah musuh dengan menggunakan senjata.

³⁸ al-Kumayt (60 H – 126 H). Lahir di Kufah. Faqih Syi 'at. Mempunyai antologi syair memperkatakan tentang ideologi Syi 'at Zaydiyyah (Syawqiy Dayf:1991. 268. Al-Tatawwur wa al-Tajdid fi al-Syi'at al-Arabiyyah. Kaherah: Dar al-Ma'arif)

³⁹ al-Khawarij lahir hasil perbezaan politik antara Sayyidina 'Ali k.w sewaktu peperangan Siffin. Antara penair termashyur mereka adalah al-Tirimmaah. Terbahagi kepada beberapa kumpulan. Antaranya al-Azariqah (Nafi' bin al-Azraq dan Qutari bin al-Fujaah) berpusat di Baṭūfah (Bassrah), Najadat (Najdat bin 'Amir al Hanafi) berpusat di Yamāmah dan Hadramaut, al-Sufriyyah (Ziyad bin al-Asfar) berpusat di Mausul dan al-Budāh 'Abdullah bin Ibrāhīl Tamimī) berpusat di Hadramaut dan Yaman. Syawqiy Dayf:1991. 88. Al-Tatawwur wa al-Tajdid fi al-Syi'at al-Arabiyyah.Kaherah: Dar al-Ma'arif)

Dalam pada itu, syair tidak ketinggalan di dalam menyebarkan kewibawaan dan pegangan yang di bawa golongan Khawārij.

Syair juga digunakan sebagai alat untuk mengobarkan semangat dan membela kebenaran. Sebagai contoh al-Ṭirimmaḥ⁴⁰ seorang penyair Khawārij berkata seperti berikut,

لَقَدْ شَفِيتُ شَقَاءَ لَا انْقِطَاعُ لَهُ * إِنْ لَمْ أَفْرُ فُوزَةَ تَسْعِي مِنَ النَّارِ
وَالنَّارُ لَمْ يَتَجَعَّ مِنْ رَوْعَاهَا أَحَدٌ * إِلَّا الْمُبِيبُ بِقَلْبِ الْمُخْلصِ الشَّارِي

Maksudnya:

“Aku pasti akan menderita selamanya apabila aku tidak dapat mencapai mati syahid yang dapat menyelamatkan diriku daripada api neraka. Tidak akan ada seseorang yang akan selamat daripada api neraka selain orang yang mati dengan hati yang bersih dan berkorban”

Melalui syair ini, al-Ṭirimmaḥ memperlihatkan keberaniannya, sanggup berkorban apa sahaja termasuk nyawa dan harta, rindukan mati syahid, rindukan syurga dan meminta agar tidak akan ditangisi apabila terkorban.

Sikap yang ditunjukkan golongan Khawārij adalah merupakan penentangan terang-terangan yang paling keras dan ketat yang dihadapi Bani Umayyah selama pemerintahan mereka selama 96 tahun dari 42 Hijrah sehingga 132 Hijrah. Penentangan mereka tidak pernah reda. Di Ḥijāz, Bani Umayyah juga menghadapi tentangan al-Zubayriyyin.

⁴⁰Al-Ṭirimmaḥ (125 H/ 743 M) – al-Ṭirimmaḥ bin Hakim bin al-Hakam dari qabilah Tai’e. Antara penyair Islam tersohor. Membesar di Syam lalu berpindah ke Kufah. Berpegang kepada Mazhab al-Azāriqah. Mempunyai hubungan persahabatan dengan Khalid bin ‘Abdullāh al-Qasri. Sezaman dengan al-Kumayt.

Mereka dipimpin oleh ‘Abdullâh bin al-Zubayr –bayi pertama dilahirkan selepas hijrah di Madînah- yang terkenal dengan jasanya dalam melancarkan penaklukan ke luar wilayah Semenanjung Tanah Arab.

Beliau mempunyai nilai kepimpinan sejati dan tidak dapat menerima kemungkaran, kemaksiatan dan kezaliman yang dilakukan Bani Umayyah. Oleh itu, golongan al Zubayriyyin melakukan penentangan terhadap Bani Umayyah. Seruan mereka ini mendapat sambutan menggalakkan daripada kebanyakan umat Islam khususnya di Hijâz.

‘Abdullâh bin al-Zubayr memimpin pemberontakan di Madinah tetapi dapat dihapuskan oleh Yazîd bin Mu ‘âwiyyat. Golongan pemberontak mlarikan diri ke Makkah dan melancarkan pemberontakan dari sana. Dalam pertempuran di antara al-Zubayriyyin dan Bani Umayyah di sana, ‘Abdullâh bin al-Zubayr terbunuh.

Namun penentangan terhadap terhadap Bani Umayyah tetap diteruskan. Penyair juga turut serta dalam gerakan ini dengan menggubah syair untuk mengobarkan semangat juang di kalangan penyokongnya. Contohnya ‘Abdullâh bin Qays al- Ruqayyât⁴¹ bersyair seperti berikut,

كَيْفَ نُوْمِي عَلَى الْفِرَاشِ وَ لَا * تَشْمِلُ الشَّامَ غَارَةً شَعَوَاءَ

تَدْهِلُ الشَّيْخَ عَنْ بَنِيهِ وَ تُبْدِي * عَنْ بَرَاهَا الْعَقِيلَةَ الْعَذَراءَ

⁴¹ ‘Abdullâh bin Qays al-Ruqayyât (85 H/ 704 M) – ‘Abdullâh bin Qays bin Syurayh bin Malik. Daripada suku Bani ‘Âmir bin Lu’âi. Penyair Quraisy zaman Umayyah. Tinggal di Madinah. Bersama Mus ‘ab bin Zubayr menentang ‘Abdul Malik bin Marwân. Kebanyakan syairnya berbentuk ghazal. Digelar al-Ruqayyât kerana menjalinkan hubungan dengan tiga gadis bernama Ruqayyat.

Maksudnya:

“Bagaimana aku dapat tidur di ranjang sedangkan orang Syam sedang melakukan serangan.

Iaitu serangan yang mana menyebabkan orang tua melupakan anaknya dan banyak wanita yang kehilangan keperawanannya”.

Beliau juga mengalunkan syair memuji pemerintahan saudara ‘Abdullāh bin al- Zubayr di ‘Irāq iaitu Muṣ’ab bin al-Zubayr;

إِنَّمَا مُصْبَعُ شَهَابٍ مِّنَ اللَّهِ * هَنَجَلْتُ عَنْ وَجْهِهِ الظَّلَماءِ

مُلْكُهُ مُلْكٌ قُوَّةً لَّيْسَ فِيهِ * جَرْوَتْ وَ لَا بِكِيرِيَاءَ

Maksudnya:

“Muṣ’ab adalah bintang kurniaan Allah yang mana dunia menjadi terang dengan cahaya wajahnya. Kekuasaannya adalah kekuatan tanpa keganasan dan kesombongan”

2.3.3.1 Tema Syair Zaman Umayyah

Tema syair tidak banyak berbeza dari zaman Jahiliah hingga ke zaman Bani Umayyah. Ia tetap berbekalkan madḥ, hijā’, rathā’, ghazal, (tasyib̬ dan nasib̬), i ‘tidhār dan waṣf. Walau bagaimanapun, kerancakan peperangan dan ke ‘aṣabiyyah kerajaan Bani Umayyah di dalam mempelopori segenap jenis pelusuk pentadbiran urusan kerajaan menyebabkan tema-tema berlaku perubahan ketara.

Antara tema-tema yang hangat diperkatakan sebagai tema baru yang mewarnai kesusasteraan Arab pada zaman itu adalah ghazal dan Hāsyimiyyāt al-Kumayt.

2.3.3.2 Penyair-Penyair Mashyur Zaman Ini

a) ‘Umar bin ‘Abdullāh bin Abī Rabi ‘at (Ibn Abī Rabi ‘at)

Syair ghazal beliau amat mempengaruhi masyarakat Arab. Beliau amat dimanjakan oleh ibunya selepas kematian bapanya dalam usia yang masih kecil. Kehidupan mewah yang dikecapinya menyebabkan beliau terjerumus ke dalam alam kepoyaan.

Syair-syair beliau menampakkan kelainan daripada syair ghazal penyair terdahulu kerana beliau menyatakan bahawa beliaulah orang yang dirindui, dikasihi dan dicemburui kaum wanita pada masa itu.

Sedangkan kebiasaannya penyair adalah *al-‘āsyiq* bukan *al-m ‘asyuq* tetapi beliau telah berjaya menanam ciri-ciri ini ke dalam syair beliau perkara yang sebaliknya.

Lihatlah syair beliau;

و كُنْ إِذَا أَبْصَرْتِنِيْ أَوْ سَمِعْتِنِيْ * سَعِينَ فَرَقَّنَ الْكُوَى بِالْخَاجِرِ

Maksudnya:

“Apabila mereka (wanita Makkah) melihat dan mendengarku (mengalunkan lagu), mereka akan berusaha mengekoriku dan mendekatiku”.

(Syawqiyy Dayf: 1991: 231)

b) al Kumāyt (Hāsyīmiyyāt)

Karya agung beliau adalah antologi syair yang memaparkan ideologi agama yang pertama dalam sejarah kesusasteraan Arab . Ia adalah satu perbahasan mempertahankan hak al-Hasyimiyyin. Al-Kumayt memasukkan ke dalam antologi tersebut fahaman dan pegangan beliau terhadap aliran pemikiran Syi ‘at Zaydiyyat. Antologi al Hasyimiyyat ini menjadi bahan rujukan para sejarawan zaman kerajaan Bani ‘Abbās untuk mengenali mazhab Syi ‘at al-Zaydiyyat. (Syawqiy Dayf, 1991 : 277)

Antara contoh syair beliau, (Syawqiy Dayf, 1991 : 283)

أهْوَى عَلِيًّا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ وَ لَا
أَرْضَى بِشْتَمِ إِبْيَ بَكْرٍ وَ لَا عُمْرٌ
* * * * *

وَ لَا أَقْوَلُ وَ إِنْ لَمْ يُعْطِيَا فَدَكًا
بَنْتَ الرَّسُولِ وَ لَا مِبْرَأَةَ كُفَّارًا
* * * * *

الله يَعْلَمُ مَاذَا يَأْتِيَانِ بِهِ
يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ عَذْرٍ إِذَا اعْتَذَرُوا

Maksudnya:

“Aku cintakan ‘Ali Amir al-Mu’mimin tetapi aku tidak menyambut seruan menghina Abu Bakar dan Omar.

Dan aku tidak mengatakan sekiranya mereka tidak memberikan warisan kepada Fatimah mereka berdua kafir.

Allah mengetahui apa yang mereka berdua datangkan pada hari Qiyamat dengan keampunan sekiranya mereka memohon ampun”

Antara pemikiran yang dibawa ke dalam syair beliau adalah tidak mengkafirkan dua Khalifah Islam yang pertama iaitu Sayyidina Abū Bakar al-Šiddīq dan Sayyidina ‘Umar al-Khaṭṭāb sebagaimana yang dapat kita ikuti di dalam syair di atas. Pandangan ini jelas

bertentangan dengan pendapat yang dibawa oleh Syi'at al-Kaisāniyyat yang mengkafirkan kedua-dua khalifah tersebut.

2.3.4 Kesusasteraan Arab Zaman Abbasiah

Menurut Syawqiy Dayf (1996 : 19), perpindahan khilafah daripada Baghdād ke Damsyiq di atas kekuatan tentera Khurasān adalah satu petanda kemeresapan pengaruh bangsa Parsi ke dalam sistem pemerintahan kerajaan Abbasiah.

Mereka telah membuka pintu kepada pelbagai budaya dan keturunan tanpa mengikat diri kepada sikap aşabiyyah yang dipegang oleh pemerintahan terdahulu, iaitu kerajaan Bani Umayyah. Tamadun Islam pada zaman ini berada di puncak dan zaman keemasannya dengan keamanan dan kemakmuran yang sungguh menggalakkan.

Menurut beliau lagi (1996: 9), peralihan kuasa kepada golongan Bani ‘Abbās dan penyokongnya adalah penghujung kepada setiap pemberontakan yang berlaku pada zaman Bani Umayyah. Pemberontakan ibn al-Zubayr, Khawārij, Syi ‘at, ibn al-‘Asy ‘ath dan Yazīd al-Muhallab adalah sebagai pendahuluan dan provokasi awalan kejatuhan kerajaan Umawiyyah.

Namun satu perkara penting yang perlu dijelaskan di sini bahawa setiap pemberontakan diwarnai oleh golongan Mawāli (hamba) yang dizalimi oleh Bani Umayyah terutamanya bangsa Parsi. Dengan itu, kejayaan Bani ‘Abbās meruntuhkan kerajaan Bani Umayyah menyebabkan Bani ‘Abbās terpaksa menyerap sistem, budaya dan cara hidup Parsi yang banyak mempengaruhi kehidupan raja mahupun dasar negara dan sistem pentadbiran.

Sehingga jawatan Perdana Menteri pada masa itu juga dikuasai oleh golongan

berketurunan Parsi seperti keluarga al-Barāmikat.⁴²

Kedudukan kotaraya Baghdād yang strategik kerana kedudukannya yang terletak di antara Sungai Furāt dan Sungai Dajlah menyebabkan ia menjadi pusat ekonomi dan perdagangan tersohor dan termakmur ketika itu.

Peta keamanan dan kemakmuran memberi peluang yang seluas-luasnya untuk perkembangan minda dan pemikiran. Sehubungan itu, tamadun Islam berkembang ke tahap yang tidak dicapai oleh Eropah pada masa itu.

Mazhab Fiqh berkembang dengan pesatnya pada masa itu. Falsafah Yunani diterjemahkan ke dalam bahasa Arab dan disesuaikan dengan pemikiran Islam. Sehingga dikatakan ketinggian keilmuan pada masa itu dibalas dengan setimpal kerana setiap terjemahan akan ditimbang lalu ganjaran emas diberi seberat timbangan buku yang dihasilkan. Demikian juga dengan kesusasteraan.

Perkembangan akal masyarakat Arab pada masa itu menurut Syawqiy Dayf (1996 : 147), adalah perkembangan yang telah dipersiapkan oleh berbagai jenis buku yang diterjemahkan daripada bahasa asing seperti India, Parsi dan Yunan.

Perbahasan, percambahan minda dan perdebatan di kalangan ideologi pemikiran yang berbeza juga memberikan satu semangat juang kepada para penyair untuk mempertingkatkan kebolehan maklumat mereka.

Golongan penyair pada masa itu, bukan sahaja meneguk cebisan ilmu daripada

⁴² Keluarga berketurunan Parsi yang mempunyai hubungan dengan Kuil Buddha al-Nawbahar di Balkh. Antara anggota keluarga mereka yang pernah memegang jawatan Perdana Menteri Kerajaan 'Abbasyyat ialah Khālid, Yahyā, al-Fadl dan Ja'far (al-)Aṣr al-'Abbāsiyy al-Awwal'. Shawqiy Dayf : 1991.

pendengaran perbahasan dan perdebatan malah lebih jauh daripada itu, dengan menceduk ilmu itu sendiri daripada periginya yang asal, iaitu buku. Ini dapat dikesan daripada sepotong bait syair Abū Nuwās⁴³ yang memperkatakan tentang kesejukan melampau yang akan berubah menjadi panas. Teori ini dikatakan diambil daripada falsafah India. (Syawqiy Dayf, 1996 : 149)

سَخِنْتُ مِنْ شَدَّةِ الْبُرُودَةِ حَتَّىٰ صِرْتُ عَنِّي كَانِكَ النَّارُ

لَا يُعْجِبُ السَّامِعُونَ مِنْ صَفْقِي كَذَلِكَ الظَّاجُ بَارِدُ نَارٌ

Maksudnya:

“Engkau panas kerana terlalu sejuk hingga engkau menjadi seumpama api dengan ku

Pendengar tidak sukaan perangaiku begitu juga salji menjadi sejuk tetapi sebenarnya panas”

Pada zaman kerajaan Abbasiyyah, bahasa dan kesusasteraan telah mencapai kemuncaknya. Ini berhubungan dengan ilmu yang mempunyai kaitan pertalian dengannya berkembang pesat seperti *balāghat* (retorik), *'arūd* (prosodi), *ma'āni* dan sebagainya.

Pusat perkembangan keilmuan pada masa itu ialah Baghdād dan Cordova yang mana sekaligus menjadi tempat perhimpunan dan perjumpaan para karyawan dan ilmuan. Ada antara sasterawan yang datang ke Baghdād untuk mencari kedudukan dengan memuji raja dan pembesar.

⁴³Abū Nuwās (al-Ḥasan bin Hāni'). Lahir pada 139 Hijrah. Bapa dan ibunya berbangsa Parsi. (al-'Aṣr al-'Abbāsiy al-Awwal, Shawqiy Dayf, 1991 : 202)

Raja dan pembesar pula berlumba-lumba memberi hadiah dan kedudukan kepada sasterawan dan penyair terbaik agar memuji dan memuja mereka. Menurut Syawqiy Dayf (1996: 46), Khalifah al-Amīn menghadiahkan seorang penyair bernama ‘Abdullāh bin Ayyūb al-Tīmī sebanyak 200,000 dirham.

Peningkatan tersebut berdasarkan kepada keupayaan imaginasi, khayalan dan kreativiti. Faktor ini menjadikan kesusasteraan pada ketika itu mempunyai pemikiran yang lebih luas, falsafah yang tinggi dan mutu bahasa yang kian meningkat.

Basysyār⁴⁴ berpuisi seperti yang berikut, (Syawqiy Dayf, 1996 : 148)

شقاء العمي طول السؤال و إنما *
دَوَامُ الْعَمِي طُولَ السُّؤَالِ وَ إِنَّمَا *
فَكُنْ سَائِلًا عَنِّيْا عَانِكَ وَ إِنَّمَا *
ذُعِيْتَ أَخَا عَقْلَ لِبَحْثٍ بِالْعُقْلِ

Maksudnya:

“Ubat si bodoh selalu bertanya. Berterusan bodooh kerana diam atas kejahilan.

Oleh itu, jadilah engkau penanya apa yang tidak diketahui kerana engkau dipanggil manusia berakal disebabkan mencari sesuatu dengan menggunakan akal.”

Syair pada zaman kerajaan ‘Abbāsiyyat menggambarkan fenomena kehidupan sosial pada masa itu. Namun demikian keruntuhan akhlak masyarakat yang tenggelam di dalam kemewahan dan kemakmuran juga merupakan satu fenomena yang jelas kelihatan dalam syair seperti meminum arak, berjudi dan wanita di dalam syair Abū Nuwās.

⁴⁴ Basysyār bin Burd bin Yarjukh permulaan darsawarsa kesepuluh kurun pertama Hijrah di Basrah. Flamba Bani ‘Uqayl. Bapa berketurunan Parsi dan ibunya Rom. Dilahirkan dalam keadaan buta. (al-‘Aṣr al-‘Abbāsiy al-Awwal : Shawqiy Dayf : 1991, 220)

Hal ini dikatakan berpunca daripada perhubungannya yang sungguh baik dengan Khalifah al-Amīn (193 H – 198 H) dan khalifah pada masa yang sama sukakan kepada kehidupan berpoya-poya dan bersukaria. Beliau juga telah menjadikan Abū Nuwās sebagai kawan seperminuman (Syawqiy Dayf, 1996 : 225).

Selanjutnya Abū Nuwās menggambarkan bahawa kehidupan ini hanyalah arak, berpoya-poya di rumah-rumah pelacuran seperti berikut, (Syawqiy Dayf, 1996 : 234)

لَا تَبْكِ لِلَّيْلِ وَ لَا تَطْرُدْ هَنْدَ * وَ اشْرَبْ عَلَى الْوَرْدِ مِنْ حَمْرَاءِ كَالْوَرْدِ

كَاسًا إِذَا اخْدَرْتُ فِي حَلْقِ شَارِبِهَا * أَجْدَهُ حَرْقًا فِي الْعَيْنِ وَ الْخَدِ

فَالْحَمْرُ يَاقُوتَةُ وَ الْكَاسُ لَوْلَوَةُ * فِي كَفِّ جَارِيَةٍ مَسْوِقَةِ الْقَدِ

ئُسْقِيْكِ مِنْ يَدِهَا خَمْرًا وَ مِنْ فَمِهَا * خَمْرًا فَمَا لَكَ مِنْ سَكْرِينِ مِنْ بُدِ

Maksudnya:

“Jangan tangisi Layla, jangan dilakukan Hindun,

minumlah air umpama bunga mawar yang merah.

Gelas yang di dalamnya air, sekiranya masuk ke kerongkong peminumnya akan memerahkan mata dan pipi.

Arak adalah yaqt dan gelas adalah mutiara. Di tangan gadis pelayan yang mempunyai potongan badan yang menghairahkan.

Menuangkan kamu daripada tangannya dan di mulutnya arak. Masakan anda tidak mabuk.”

Penagihan arak adalah segala maksiat dan mementingkan kemewahan hidup pada zaman kerajaan Abbasiyah itu meningkat sehingga terbawa-bawa ke dalam kehidupan

kepoyaan, kebuasan hawa nafsu, pelacuran dan wanita. Ia dapat dilihat hasil tulikan syair Ḥusayn bin Ḏaḥḥāk seperti berikut, (Syawqiy Ḱayf, 1996 : 234)

إِنَّ الْعَيْشَ سَمَاعٌ وَمُدَامٌ وَنَدَامٌ
فَإِذَا فَاتَكَ هَذَا فَعَلَى الدُّلُّ سَلَامٌ

Maksudnya:

“Adapun kehidupan ini hanya nyanyian, kemabukan dan perempuan Sekiranya ia terlepas daripada kamu maka ucapan selamat tinggal kepada alam.”

Walau bagaimana kejadian dan peristiwa yang berlaku, sunnatullah di dunia tetap tidak terpisah daripadanya iaitu penentangan terhadap kemaksiatan, kebatilan, kezaliman, kenafsuan dan kejanggalan kehidupan dengan kecintaan kepada akhlak mulia. Demikian juga halnya pada zaman kerajaan Abbasiyah. Syair yang penuh dengan keluahan itu ditentang dan diimbangi dengan syair yang penuh dengan keimanan, ketaqwaaan, dan kezuhudan.

Abū Nuwās juga ada menghasilkan puisi berbentuk kezuhudan pada akhir kehidupan beliau seperti berikut, (Syawqiy Ḱayf, 1996 : 237)

يَا طَالِبُ الدِّنِ لِيَجْمِعَهَا
جَمَحَتْ بِكَ الْأَمَالُ فَاقْتَصَدْ

وَالْقَصْدُ أَخْسَنُ مَا عَمِلَتْ لَهُ * فَاسْتَلِكْ سَبِيلَ الظَّيْرِ وَاجْتَهِدْ

وَأَعْمَلْ لِذَارَ أَنْتَ جَاعِلُهَا * دَارِ الْمُقَامَةِ آخِرُ الْأَبْدِ

Maksudnya:

“Wahai pengejar dunia untuk dikumpul,
harapam telah menipu anda maka
berjimatcermatlah

Kesederhanaan sebaik perbuatan engkau
maka ambillah jalan kebajikan dan
bersungguhlah

Beramallah untuk kehidupan yang anda akan
menujuinya, iaitu dunia yang kekal dan abadi
selamanya’.

Antara mereka yang paling gigih menghasilkan syair kezuhudan selain puisi Abū Nuwās di atas ialah Abū al-‘Atāhiyyat⁴⁵. Contoh syair beliau seperti berikut,

مَقِيرٌ بِالذِّي قَدْ كَانَ مِنِي	* *	إِلَهِي لَا تُعْذِنِنِي فَلَيْ
لِعْفُونَكَ إِنْ عَفَوْتَ وَحَسْنَ طَقِي	* *	فَمَا لِي حِيلَةٌ إِلَّا رَجَاهِي
وَكَمْ مِنْ زَلَّةٍ لِي فِي الْخَطَايَا	* *	وَكَمْ مِنْ زَلَّةٍ لِي فِي الْخَطَايَا
عَضَضْتُ أَنَامِلِي وَقَرَعْتُ سِتِّي	* *	إِذَا فَكَرْتُ فِي نَدَمِي عَلَيْهَا
وَأَفْطَعْ طُولَ عَمْرِي بِالثَّمَنِي	* *	أَجِنْ بِزَهْرَةِ الدُّنْيَا جُنُونِي
فَلَبَّتْ لِأَهْلِهَا ظَهَرَ الْمَجِنِ	* *	وَلَوْ أَنِ صَدَقْتُ الرُّزْهَنَ عَنْهَا
لَسَرَ الْخَلْقِ إِنْ لَمْ تَعْفُ عَنِي	* *	يَظْنُ النَّاسُ بِي خَيْرًا وَإِنِّي

Maksudnya:

⁴⁵ Ismā'īl bin al-Qisim, hamba salah sebuah qabilah ‘Arab. Abū al-‘Atāhiyyat kunyah yang diberi. Tinggal di Kufah. Menjual labu sayong sekawtu muda. Apabila beliau mula mencipta nama dalam bidang puisi beliau mengikut jejak langkah penyair pada masa itu dengan tema-tema ghazal, pujian, kejadian dan kehidupan berpelesaran. Umurnya 50 tahun beliau menghadapi penyakit menyebabkan beliau mula menjuruskan syairnya ke arah tema-tema kezuhudan. Meninggal pada 211 H. (Āli Muhammād Ḥasan dan Zaki ‘Āli Suweilām: 1973, 124; al-Adab wa Tārikhuhu. Kaherah: Kementerian Pendidikan Mesir).

“Wahai Tuhanku Jangan engkau menyeksaku kerana
 aku mengaku akan keterlanjuranku
 Aku tidak mempunyai helah melainkan harapanku
 dan sangka baikku untuk mendapatkan
 keampunanmu
 Berapa banyakkah kesalahan yang telah ku lakukan
 tetapi engkau masih mempunyai kelebihan dan
 pengurniaan
 Kalau aku fikirkan penyesalanku ke atasnya, maka
 aku akan menggigit jari-jariku dan mengetap bibirku
 Aku gilakan kecantikan dunia dan menghabiskan
 umurku dengan angan-angan
 Sekiranya dikatakan benar-benar zuhud darinya
 (dunia) tetapi yang sebenarnya aku lingkupkan
 penduduknya kearah kehidupan kegilaan.
 Manusia menyangka aku sebaik manusia tetapi
 akulah sejahteranya manusia sekiranya tiada
 keampunan darimu”

Di samping Abū al-'Atāhiyyat yang mengubah syair bertemakan keagamaan lahirlah selepasnya aliran penyair falsafah, seperti Abū 'Alā' al-Ma'arrī⁴⁶ yang menggambarkan keresahan hidup mereka yang fana di dunia ini. Mengajak manusia berfikir terhadap apa yang telah mereka lakukan selama ini. Berfikir tentang keadaan yang akan mereka hadapi pada masa akan datang sebagai persediaan untuk menghadapi akhirat seperti berikut,

غَيْرِ مُجْدِ فِي مِلْتَيْ وَ اعْقَادِي * نُوحُ بَاكِ وَ لَا تَرْتُمُ شَاد
 وَ شِيَةٌ صَوْتٌ النَّعْيِ إِذَا قِيسَ * بِصُوتِ التَّشِيرِ فِي كُلِّ نَاد
 أَبَكَتْ تِلْكُمُ الْحَمَامَةُ أَنْ غَتَّ * عَلَى قَرْعٍ غُصْنَهَا الْمَيَاد

⁴⁶ Abū al-'Alā' al-Ma'arrī (363H/ 973M – 449H) penyair dan sastrawan handalan. Terkenal dengan al-Ma'arrī sempena nama tempat kelahiran beliau "Ma'arrat al-Nu'man".

صاحٌ هذى قبورنا ثملاً الرُّحْبَ * فَإِنَّ الْقُبُورَ مِنْ عَهْدِ عَادٍ
 خَفَّ الْوَطَءَ مَا أَطْلَنُ أَدِيمَ الْأَرْضِ * إِلَّا مِنْ هَذِهِ الْأَجْسَادِ
 وَقَبِيْحٌ بِنَا وَإِنْ قَدِيمَ الْعَهْدِ * هُوَانَ الْآتَاءِ وَالْأَجْدَادِ
 سِرْ إِنْ اسْطَعْتَ فِي الْهَوَاءِ رُوَيْدَا * لَا اخْتِلَا عَلَى رُقَاتِ الْعِيَادِ
 رُبُّ الْحَدِيدِ قَدْ صَارَ حَدَّا مُوَارَا * ضَاحِكٌ مِنْ تَرَاحُّمِ الْأَصْنَادِ
 أَعْجَبَ إِلَّا مَنْ رَاغَبَ فِي ازْدِيَادِ * تَعْبِ كُلُّهَا الْحَيَاةُ فَمَا

(Cakera Padat Mausū ‘āt al-Syī’r al-‘Arabiyy, 1999, Syarikat Komputer ‘Arish).

Maksudnya:

“Tidak dianggap mulia di sisi agamaku dan kepercayaanku ratapan seseorang dan tidak juga dendangan syahdunya.

Bagiku sama sahaja berita kematian dengan berita gembira yang dihamburkan di setiap tempat pertemuan

Apakah burung merpati itu sebenarnya telah menangis atau berkicau riang semasa bergayutan di dahan pokok

Telah menjerit kuburan kita ini di tanah yang luas
Oleh itu, di manakah kuburan kaum ‘Ād

Ringankan langkah kakimu kerana seluruh permukaan bumi ini telah terisi oleh kepingan tubuh manusia yang reput

Tidak sopan bagi kita menghina datuk nenek kita walaupun sudah lama masa berlalu

Berjalanlah kamu dengan tenang di atas muka bumi ini dengan tidak sombong di atas tubuh manusia yang reput

Adakalanya liang lahad digunakan untuk menanam manusia berkali-kali, di mana liang lahad itu

mentertawakan kepingan bangkai-bangkai manusia
yang berhimpitan
Hidup di dunia susah sekali alangkah peliknya
mereka yang ingin mengejarnya berlebih-lebihan”.

2.3.4.1 Tema Syair Zaman Abbasiyyah

Pada zaman ini, terdapat beberapa tema yang jelas yang tidak memperkenan kewujudannya sebelum ini, iaitu seperti pemujaan terhadap arak, zindik (athies) dan mujun. Antara penyair yang mengalunkan syair mujun ini ialah Ḥammād ‘Ajrad, Mutī’ e bin Iyās dan Ṣaleḥ bin ‘Abd Quddūs.

Tema-tema ini dapat dilihat dengan jelas pada 2.3.4 seperti syair Abū Nuwās yang berunsur mujūn. Selain itu, syair yang berbentuk pengetahuan penyair yang menceduk daripada kebudayaan asing seperti India juga jelas kelihatan pada syair Abū Nuwās yang lain ketika dalam memperkatakan tentang perubahan sesuatu keadaan kepada sifat yang berlawanan apabila ia telah mencapai kemuncaknya.

Syair-syair berbentuk ilmiyyah juga diterapkan dalam syair-syair Basysyār bin al-Burd. Ia merujuk kepada gesaan manusia untuk bertanya sesuatu yang tidak diketahuinya. Di samping itu, syair kezuhudan juga dicipta oleh Abū ‘Alā’ al-Ma‘arri juga Abū a-‘Atāhiyyaṭ dan Abū Nuwās pada penghujung kehidupan dunia mereka.

2.3.4.2 Penyair-Penyair Masyhur Zaman Ini

Terdapat tiga penyair serangkai yang amat terkenal pada zaman kerajaan Abbasiyyah selain yang tersebut di atas iaitu Abū Tammām, al-Buhturi dan al-Mutanabbi. Tetapi di

dalam kajian ini hanya Abū Tammām dan al-Mutanabbiyah sahaja yang akan diperbincangkan.

a) Abū Tammām

Dilahirkan pada tahun 190 H di Damsyik daripada kalangan keluarga yang miskin. Beliau telah berhijrah ke Mesir dan bekerja menjual ais di Masjid ‘Amru ibn al-Ās. Masjid ini pada ketika itu menjadi pusat perhimpunan dan perkumpulan para ulama’. Kesempatan itu digunakan sebaik mungkin olehnya secara bergaul dengan para ulama’ dan mempelajari bahasa dan kesusasteraan Arab daripada mereka sehingga mampu menjadi seorang pengarang.

Selepas itu, beliau berhijrah ke Baghdađ. Di sitolah bakatnya sebagai penyair terserlah. Beliau begitu pandai sekali mengampu dan memuji Khalifah al-Mu’tasim dan pembesarnya hingga mendapat kedudukan yang istimewa. Tetapi kelebihan tersebut memang kena pada tempatnya kerana syair beliau mengandungi banyak idea-idea dan falsafah yang tinggi. (Syāhīn ‘Aṭīyyat, 1999 : 7)

Antara lain beliau berpuisi semasa menyindir Banī Ḥumaid,

إِذَا جَارَتْ فِي خُلُقِ دَنِيَا * فَأَنْتَ وَمَنْ تُجَارِيهِ سَوَاءُ

رَأَيْتَ الْحُرُّ يَحْتَسِبُ الْمَخَازِي * وَيَحْمِيهِ عَنِ الْعَذْرِ الْوَفَاءِ

وَمَا مِنْ شِدَّةٍ إِلَّا سَيَانٌ * لَهَا مِنْ بَعْدِ شِدَّهَا رَخَاءٌ

لَقَدْ جَرَوْتُ هَذَا الدَّهْرَ حَتَّى * أَفَادَتِي التَّجَارِبُ وَالْعَاءُ

إِذَا مَا رَأَىٰ أَهْلَ الْبَيْتِ وَلَّىٰ * بَدَا لَهُمْ مِنَ النَّاسِ الْخَفَاءُ
 يَعِيشُ الْمَرءُ مَا اسْتَحْيَىٰ بِخَيْرٍ . * وَيَتَقَىٰ الْغُوْدُ مَا يَبْقَىٰ اللَّخَاءُ
 فَلَا وَاللَّهِ مَا فِي الْعَيْشِ خَيْرٌ * وَلَا الدُّنْيَا إِذَا ذَهَبَ الْحَيَاةُ
 وَلَمْ تَسْتَحْيِي فَافْعَلْ مَا تَشَاءُ * إِذَا لَمْ تَخْشُ عَاقِبَةَ الْلَّيْلِي
 لَهُمْ الْفَعْلُ مِنْ قَوْمٍ كَرَامٍ * لَهُمْ مِنْ بَنِيهِمْ أَبْدَىٰ عَوَاءُ

(Syāhīn ‘Aṭīyyat, 1999 : 497)

Maksudnya:

“Jika engkau mengikuti akhlak mereka yang buruk
 laku maka engkau serupa dengannya
 Aku melihat orang merdeka adalah orang yang
 menjauahkan kehinaan dan kesetiaan memeliharanya
 daripada kecurangan
 Tiada kesukaran melainkan akan datang selepasnya
 kesenangan.
 Aku telah melalui zaman ini dan pengalaman serta
 kesusahan mengajarku
 Sekiranya ketua ahli keluarga memaling daripada
 kebenaran maka keluarga tersebut akan dipulau
 masyarakat.
 Seseorang akan hidup senang selagi ada perasaan
 malu seperti kayu akan kekal selagi ada kulitnya
 Demi Allah tiada gunanya kehidupan di dunia
 sekiranya tiada perasaan malu.
 Sekiranya engkau tidak malu buatlah apa yang
 engkau mahu itupun sekiranya engkau tidak
 takutkan balasan tuhanmu.

Perbuatan buruk daripada kaum yang mulia selamanya akan dipalu”

Beliau juga menggambarkan kemenangan Khalifah al-Mu'tasim di kota ‘Amūriyyat, Rom seperti berikut,

السَّيْفُ أَحَدُقُ الْأَبْيَاءِ مِنَ الْكُتُبِ * فِي حَدَّهِ الْخَدِيْبَنِ الْجَدُّ وَاللَّعْبُ

يَيْضُ الصَّفَّاْحِ لَا سُودُ الصَّحَافِ فِي مُتَوْنِهَا جَلَاءُ الشَّكِّ وَالرِّيبُ

(Syāhīn ‘Aṭīyyat, 1999 : 18)

Maksudnya:

“Pedang adalah sebaik-baik bukti melebihi kitab kerana di hujungnya terdapat garis pemisah antara yang sungguh-sungguh dan main-main.

Pedang yang tajam dan bukan lembaran hitam. Di hujungnya lah dapat menghilangkan keraguan dan syak wasangka.”

Maksud beliau dalam syair di atas adalah kemenangan hanya dapat dicapai dengan perjuangan yang hebat dan bukan semudah yang disangkakan. Juga bukan dengan ramalan nujum. Dalam peperangan itu ahli nujum meramalkan Khalifah al-Mu'tasim kalah tetapi apa yang sebenarnya berlaku adalah sebaliknya. Kemenangan menjadi milik tentera Abbasiyah.

b) al-Mutanabbiy

Nama penuhnya adalah Abū Ṭayyib Aḥmad bin Ḥusayn al-Mutanabbiy. Keluarganya berketurunan Arab Yaman. Beliau dilahirkan di Kūfah pada 303H. Beliau mempelajari bahasa Arab daripada Arab Badwi sejak kecil lagi. Kekuatan hafalannya sungguh luar biasa sehingga dapat menghafal apa sahaja yang didengarinya.

Namun hobinya suka mencari kedudukan dan tempat baruu, mendampingi pembesar dan sering menggunakan syairnya untuk tujuan tersebut. Oleh yang demikian, beliau menjadi tempat manusia meletakkan hasad dengki mereka. Beliau difitnah oleh qabilah Banī Kilāb yang mengadu kepada Gabenor Himaṣ (satu kawasan di dalam sempadan geografi Syria kini) yang beliau mengaku menjadi Nabi kerana pandai bersyair. Beliau telah dipenjara selama beberapa tahun dan oleh kerana itu juga beliau mendapat gelaran al-Mutanabbiy.

Apabila beliau dibebaskan, beliau berhijrah ke Aleppo menuju istana Saif al-Daulat. Beliau mendapat kedudukan istimewa di sisi Saif al-Daulat dan ini menimbulkan perasaan iri hati di kalangan rakyat dan pembesar. Akhirnya, beliau telah disisihkan daripada istana. Setelah itu beliau mencari sesuap rezeki di istana pemerintah Mesir yang bergelar Kāfir dengan mengampunya melalui syair beliau. Kemudian beliau meninggalkan Kāfir pada tahun 350 H.

Beliau menuju ke Kūfah dan seterusnya ke Baghdaḍ. Tidak lama kemudian, beliau menuju pula ke Parsi dan memuji pemerintah Banī Buwaih dan Perdana Menterinya, ibn al-'Amīd. Setelah beberapa lama di sana, beliau membuat keputusan untuk pulang semula ke 'Iraq.

Dalam perjalanan pulang, beliau, anak dan pembantunya dibunuh oleh kalangan Bani Ḥubbaṭ kerana beliau pernah mengeji dan mencela pemimpin mereka yang bernama Fātik bin Abī Jahal. Kejadian ini berlaku pada tahun 354 H. (Dr. Ahmad 'Abd al-Ghaffār 'Ubāyd, 2002 : 75-76)

Walau apapun yang diperkatakan tentang zaman 'Abbāsiyyat, ia tetap telah memainkan peranan sebagai sebuah kerajaan yang mampu menjana kemajuan dan perkembangan pemikiran untuk rakyatnya. Sejarah telah membuktikan bahawa perkembangan ilmu pengetahuan pada masa itu telah tersebar meluas untuk digunakan oleh masyarakat zaman berikutnya, bukan sahaja di negara mahupun benua yang sama, tetapi juga benua yang lain daripadanya seperti Eropah dan Barat.

2.3.5 Kesusasteraan Arab Zaman Moden

Sebelum perbicaraan diteruskan tentang kesusasteraan Arab zaman moden, pengkaji ingin mengimbau sejenak peredaran masa yang berlaku di antara zaman kerajaan Abbasiyyah sehingga zaman moden. Ini adalah bagi memudahkan kajian mereka yang meminati kajian ini.

Kronologi ini bermula daripada kurun ke 6 Hijrah lagi, semasa kerajaan Abbasiyyah masih lagi berkuasa di Baghdād. Walaupun mereka berkuasa, kekuasaan mereka hanya pada kulit sahaja dan tidak pada isinya. Oleh yang demikian, pengkaji akan menyatakan kerajaan-kerajaan yang telah memerintah sepanjang zaman tersebut.

Menurut Dr. Jaudat al-Rukābī (1974: 7) terdapat 4 kerajaan yang merentasi zaman di Mesir dan Syam (antara zaman kerajaan Abbasiyyah dan zaman moden). Kekuasaan mereka bermula daripada kurun ke 6 Hijrah sehingga kurun ke 13 Hijrah dengan Mesir diserang oleh Napoleon Bonaparte pada 1798 M.

Kerajaan tersebut ialah,

- | | |
|--------------------------|------------------|
| i-Kerajaan al-Zinkīyyīn | – 489 H – 577 H |
| ii-Kerajaan Ayyūbiyyīn | – 578 H – 648 H |
| iii-Kerajaan Mamālik | – 648 H – 923 H |
| iv-Kerajaan ‘Uthmāniyyat | – 923 H – 1213 H |

Menurut Dr. ‘Alī Muḥammad Ḥasan (1999: 6), tentera Sultan Salīm āli ‘Uthmān yang berbangsa Turki berjaya menewaskan tentera Mamālik di Marj Dābiq berhampiran

Halab pada 1516 M (923 M). Pada 1517 M, Sultan Salīm meredah padang pasir Sinai lalu menakluk Mesir dan menghapuskan kerajaan Mamālik.

Selepas itu, satu persatu negara Arab seperti Iraq, Syam, Libya, Tunisia dan Hijaz tunduk di bawah taklukan Sultan Salīm āli 'Uthmān. Setelah Mesir berada selama lebih kurang 300 tahun di bawah pemerintahan kerajaan al-Mamālik, mereka masih berterusan sedemikian di bawah pemerintahan kerajaan 'Uthmāniyyat sehingga tahun 1919 M.

Menurut beliau lagi (1999: 18) kesusasteraan Arab moden merujuk kepada akhir kurun ke 18 lagi dengan "kedatangan" Napoleon Bonaparte ke Mesir. Kedatangan beliau diiringi para ilmuan untuk menjajah pemikiran masyarakat setempat dengan ideologi untuk mengembangkan empayar mereka.

Ini berlaku dengan penyebaran agama dan pendidikan, pembangunan bandar dan prasarana, penimbulan semula kesan-kesan sejarah lama (antiquities) dan mesin cetak. Ia digunakan untuk mencetak 2 buah akhbar berbahasa Perancis dengan berbekalkan huruf-huruf Arab , Perancis dan Latin.

Perancis tidak menetap lama di Mesir. Mereka meninggalkannya pada 1801 M selepas 3 tahun memerintah. Selepas 4 tahun berlalu, Muḥammād 'Ālī dinobatkan sebagai pemerintah Mesir. Dengan ini kita boleh mengatakan, kedatangan Perancis ke Mesir dan penobatan Muḥammād 'Ālī adalah faktor asas kepada pembangunan kesusasteraan samada syair atau prosa di Mesir khasnya dan negara Arab umumnya.

Seterusnya beliau menambah (1999 : 20-28) perkembangan ini yang bermula secara berperingkat-peringkat semenjak awal kurun ke 19 sehingga mencapai kemuncaknya pada pertengahan pertama kurun ke 20. Tidak dapat dinafikan lagi, perkembangan kesusasteraan ini disebabkan oleh beberapa faktor pemangkin yang bertautan, antaranya,

a) Percetakan

Muhammad 'Ali membina pusat percetakan di Bulāq, Kaherah pada 1821 'yang mencetak buku-buku kebudayaan Arab . Antaranya ialah Kamus al-Muhib, Kalilat wa Dimnat, buku Geografi yang diselaraskan oleh Rifā'at al-Tahtawī dan seterusnya buku-buku berbahasa Arab yang mu 'tabar.

b) Akhbar dan Majalah

Tujuan asal percetakan akhbar adalah sebagai lidah rasmi kerajaan. Tetapi dengan peredaran masa, ia juga telah berubah menjadi alat penyebaran ilmu, kesusasteraan, politik dan kemasyarakatan.

Akhbar memainkan peranan penting dalam menyampaikan idea-idea penulis dalam bentuk penulisan sehingga ke satu tahap penulisan ini dikumpul lalu menjadi sebuah karya seperti Ḥadīth al-Arba 'ā' oleh Ṭāhā Ḥusayn, Fayḍ al-Khāṭir oleh Aḥmad Amīn, Tahrīr al-Marāt oleh Qāsim Amīn dan Wahyu al-Qalam oleh al-Rāfi 'iy.

Dengan munculnya gerakan kebangsaan maka akhbar memainkan peranan membangkitkan kesedaran berpolitik di kalangan pembaca dan masyarakat setempat.

‘Abdullāh al-Nadīm mengeluarkan 3 akhbar. Manakala, Syaikh ‘Alī Yūsuf mengeluarkan al-Muayyid dan di antara penyumbang idea-idea di dalamnya adalah Syaikh Muhammad ‘Abduh, Sa ‘ad Zaghlūl, Qāsim Amīn dan Muṣṭafā Kāmil.

Penulisan secara langsung membina kesedaran dan menanamkan semangat kebangsaan, mencari jalan, saluran dan tenaga baru dalam semua jurusan kehidupan mereka. Pada tahun 1919, lahirlah Revolusi Kebangsaan di Mesir. Ia diikuti oleh Gerakan Pembebasan yang dipimpin oleh Jeneral Muhammad Najib pada tahun 1952 dan diteruskan oleh Jamal ‘Abd al-Nāṣir.

c) Hubungan Pendidikan dan Terjemahan

Hubungan pendidikan adalah hubungan yang sebenar Mesir dengan negara luar terutamanya barat. Lalu Muḥammād ‘Alī menghantar seramai 44 pelajar ke Paris (kebanyakannya bukan berketurunan Arab Mesir dan sebahagiannya pula pelajar al-Azhar) pada tahun 1827. Rombongan itu diketuai oleh Rifā‘at al-Tahṭāwi.

d) Perluasan Bidang Pendidikan

Muḥammād ‘Alī membina sekolah-sekolah di segenap ceruk rantau negara dengan menggunakan perantaraan bahasa Arab. Dār al-‘Ulūm banyak menyumbang kepada perkembangan pengajian bahasa dan kesusteraan sehingga mampu mengeluarkan kebanyakan penulis dan sasterawan. Walaupun begitu, bidang ketenteraan dan perubatan juga tidak dilupakan.

Zaman moden membawa perubahan yang besar kepada dunia Arab sama ada dari segi politik, kebudayaan atau sebagainya termasuk kesusasteraan. Dalam bidang kesusasteraan, perubahan itu berlaku bukan sahaja dari segi bentuk malah dari segi teknik.

Istilah Arab tumbuh dan berkembang dengan pesatnya, kegiatan penyalinan dan penterjemahan daripada bahasa Eropah kepada bahasa Arab dalam bidang teknik, sains, perubatan dan sebagainya. Lahir ramai sasterawan besar yang membuka lembaran Mesir moden. Muwailhi dan Ḥusayn al-Marṣafī antara penyair yang memimpin pertubuhan dan menghidupkan kesusasteraan.

Dengan itu, muncullah karya kreatif, kritikan, syair dan sajak. ‘Ā’isyāt Taimōr dan al-Bārūdī berjaya membawa perubahan bahasa dalam syair. Mereka bukan sasterawan Arab moden, tetapi sebagai pelopor dan perintis jalan semata-mata.

Mereka masih lagi cintakan kepada bentuk klasik, cenderung kepada kebenaran, artistik dan membawa perubahan kepada syair Islam. Ia memperlihatkan ciri baru, iaitu pernyataan pengarang dengan meletakkan nama sebenar, cerita sebenar dan bukan khayalan.

Usaha al-Barūdī ini disambung oleh Ismā‘il Ṣabri. Hāfiẓ Ibrāhīm pula memperjuangkan kemerdekaan dan kebebasan melalui syair. Penyair moden Mesir paling terkenal ialah Khalīl Maṭrān dan Aḥmad Syawqī. Lima tahun sebelum beliau meninggal dunia pada tahun 1932, beliau telah diiktiraf sebagai Raja Penyair.

Usaha Khalīl Maṭrān diteruskan oleh Zaki Abū Syādi yang mempunyai pembawaannya yang tersendiri. Beliau juga merupakan pembangun sastera “Apollo”. (merujuk kepada Tuhan Syair Yunan bernama Apollo). ‘Abbās Maḥmūd al-‘Aqqād yang lahir kemudian merupakan penyair falsafah Islam yang dibanggakan. Usaha ‘Azīz Abāzah pula meneruskan usaha Aḥmad Syawqiy yang menggubah drama sejarah yang bertemakan Islam.

Kesusasteraan Arab moden memperlihatkan satu fenomena baru dengan kelahiran ramai penyair kritik seperti Tāhā Hussein, al-Māzīnī, ‘Abbās Maḥmūd al-‘Aqqād dan Muḥammad Ḥusayn Haikal yang menggunakan akhbar harian dan majalah untuk mengkritik karya kesusasteraan ketika itu.

Ia merupakan analisis dan kritikan terhadap kesusasteraan Arab terutamanya syair seperti kritikan terhadap karya Aḥmad Syawqiy dan Muḥammad Ḥāfiẓ Ibrāhīm.

Kesusasteraan Arab juga diperkembangkan oleh penyair wanita zaman ini. Antara mereka yang termashyur ialah Warda Yāzījī yang lahir pada tahun 1838 dan meninggal dunia pada tahun 1924 di Iskandariah, Mesir. (‘Abd al-Hakīm al-Wā’iliy, 2001, Jld. 2: 272-273)

‘Ā’isyāt al-Taimoriyyat yang dilahirkan pada 1840 M merupakan seorang penyair wanita yang mempunyai kemahiran dalam dua bidang iaitu syair dan prosa. Kematian anaknya sewaktu berusia 18 tahun mematahkan semangat beliau untuk mencetak 3 antologi syair beliau di dalam 3 bahasa yang berbeza iaitu Arab, Turki dan Parsi.

Selama 7 tahun beliau meratapi pemergian anaknya sehingga beliau mengidap penyakit di mata. Selepas sembah, beliau menguatkan azam untuk mengumpulkan semula khazanah beliau yang terbiar sehingga menghasilkan 2 buah antologi syair. Antologi syair berbahasa Turki dinamakan *Syakūfāt* dan berbahasa Arab dinamakan *Ḥulyāt al-Tirāz*. ('Abd al-Hakīm al-Wā'iliy, 2001, Jld. 2 : 375)

2.3.5.1 Tema Syair Zaman Moden

Tema syair pada zaman ini adalah sebagaimana yang wujud pada puisi zaman Jāhiliyyah. Tiada perubahan dari sudut konsep. Pujian, kebanggaan, ratapan, kecaman, ghazal, tasybīb dan gambaran masih menjadi pilihan utama di kalangan penyair-penyair zaman moden tetapi ia bertambah luas skopnya dan tegak sebagai tema tersendiri.

Selain itu, beberapa tema yang tidak mendapat tempat di kalangan penyair terdahulu telah menjadi buah mulut penyair-penyair zaman moden ini. Menurut Dr. 'Alī Muḥammad Ḥasan (1999: 77) penyair-penyair pada zaman ini banyak membentuk syair tentang semangat kebangsaan, perkauman dan kebebasan.

Mereka merakamkan segala peristiwa yang menimpa mahupun yang dilalui umat Arab . Syair menjadi pemangkin kebangkitan orang Arab menentang pemerintahan kerajaan 'Uthmāniyyāt. Pujian harus diberikan kepada mereka yang menghamburkan perbelanjaan semata-mata untuk memastikan negara bebas daripada "penjajahan".

Begitu juga, mereka mengcam penjajahan dan keganasan Inggeris terhadap penduduk Arab Mesir. Degupan dan hembusan nafas penyair hanya tertakluk kepada pujian untuk

bangsa dan negara tanpa mengalihkan kecaman tersebut kepada pemerintah dan penjajah.

Walaupun penyair mempunyai kekangan-kekangan tertentu dalam menghamburkan syair mereka, namun mereka mengalihkan perhatian syair kepada kecaman secara sindiran. Ini dapat dilihat pada sepotong syair Ṣāliḥ Majdi, murid Rifā‘at al-Tahtawī yang mengecam Khidiwi Ismā‘il,

رَمِي بِبَلَادِكُمْ فِي قَفْرٍ هَاوِيَةٍ * مِنَ الدُّيُونِ عَلَى مَرْغُوبِ جُوسِيَارِ

وَالسَّمَاءُ يَقْنَعُ فِي الدُّلَيَا بِوَاحِدَةٍ * مِنَ النَّسَاءِ وَلَمْ يَقْنَعْ بِبِلَيَارِ

Maksudnya:

“Dia telah melemparkan negara kamu dalam kecelakaan kerana hutang di atas kehendak Jusiar(seorang penasihat Khidiwi Ismail
Manusia memadai dengan seorang wanita tetapi tidak memadai dengan ribuan juta”

Seterusnya beliau menyatakan (1999: 81), bidang atau tema kemasyarakatan juga menjadi pilihan dan tajuk utama syair mereka. Mereka memilih tema ini kerana ia lebih dekat di hati mereka dan perubahan tema kepada kritikan buat pemimpin sukar diterima oleh rakyatnya.

Ini dapat dilihat dengan jelas pada syair Ḥāfiẓ Ibrāhīm:

إِذَا نَطَقْتُ فَقَاعُ السَّجْنِ مُتَكَأً * وَ إِنْ سَكَتُ فَإِنَّ التَّفْسَرَ لَمْ يَطِبِ

Maksudnya:

“Sekiranya aku berkata maka tempatku adalah penjara,
dan sekiranya aku tidak bersuara, hatiku bagai neraka”

Kemajuan zaman membawa kepada penyakit masyarakat. Penyair-penyair ini cuba untuk menggambarkan permasalahan tersebut bersama ubat yang sesuai untuknya. Skop perbahasan yang subur berada di sekitar penyakit, kefakiran dan kejahilan. Hāfiẓ Ibrāhīm pernah mengkritik kemiskinan yang dihadapi masyarakat bawahan Mesir pada masa itu dalam sepotong bait syairnya yang berikut,

إِذَا شِئْتَ أَنْ تَلْقَى السَّعَادَةَ بِيَتْهُمْ * فَلَا تَلْكُ مِصْرِيًّا وَ لَا تَلْكُ مُسْلِمًا

Maksudnya:

“Kalau engkau mahukan kesenangan di kalangan mereka, jangan anggap diri kamu itu orang Mesir atau orang Islam”

Menurut Syawqiy Dayf (1992 : 79. Cet.10), Ahmad Syawqiy membawa satu genre baru dalam arena puisi moden, syair drama (al-syi ‘r al-tamthili). Puisi berbentuk drama adalah sesuatu yang tidak diketahui dan dikenali kepada masyarakat Arab sebelum kedatangan Ahmad Syawqiy.

Selepas kepulangan beliau daripada Perancis dan ditugaskan di istana, beliau tidak mempunyai kelapangan untuk menterjemahkan khayalan beliau semasa menuntut di luar negara ke alam realiti. Setiap qada’ dan qadar Allah pasti ada hikmahnya, beliau telah dibuang negara dan menetap di Sepanyol.

Peluang ini digunakan sepenuhnya oleh beliau untuk menghambakan diri kepada syair berbentuk drama. Apabila pulang ke Mesir selepas tamat tempoh pembuangan, beliau mengasingkan diri daripada kehidupan sebelumnya iaitu kehidupan golongan bangsawan di istana.

Beliau berjaya membentuk 7 syair lakonan. 6 daripadanya berbentuk tragedi dan selebihnya berbentuk komedi. Syair drama yang berbentuk tragedi terbahagi kepada 2 pembahagian dan 3 daripadanya menggambarkan kejiwaan kebangsaan iaitu Maṣra ‘ Cleopatra, Qambīz dan Ālī Bek al-Akbar.

3 syair drama berikutnya, menggambarkan kejiwaan perkauman Arab seperti Majnūn Layla, ‘Antaraṭ dan Amiraṭ al-Andalus. Manakala, syair drama komedi pula, bertajuk al-Sit Huda.

2.3.5.2 Penyair-Penyair Masyhur Zaman Ini.

a) Mahmūd Sāmī al-Bārūdi

Seorang sasterawan yang termasyhur pada zaman kebangkitan ini ialah Maḥmūd Sāmī al-Bārūdi. Beliau dilahirkan pada tahun 1255 H. Bapanya meninggal ketika usianya 7 tahun. Beliau dipelihara oleh sanak saudaranya. Beliau mendapat pendidikan sekolah tentera sejak kecil lagi.

Akhirnya, beliau berjaya menjadi panglima kerajaan ‘Uthmāniyyah dan berjaya menghapuskan pemberontakan di Semenanjung Balkan. Jawatan tertinggi yang dipegangnya ialah Menteri Pertahanan dan Wakaf.

Walau bagaimanapun beliau telah ditangkap dan dipenjarakan selama 17 tahun kerana pemberontakan bangsa Arab menentang Turki. Beliau terkena penyakit sehingga menjadi buta sewaktu di dalam penjara dan selepas itu beliau dibebaskan.

Beliau merupakan sasterawan yang paling terkenal pada zamannya. Keunggulannya sebagai penyair disebabkan oleh dua faktor, iaitu bakat yang dianugerahkan Allah kepadanya dan kerajinannya mempelajari syair. Syairnya mempunyai bahasa yang mudah, indah, isinya padat dan dikatakan meniru gaya bahasa abad ke 3 dan ke 4 H.

Beliau begitu banyak sekali menghasilkan syair sehingga berjaya menghasilkan sebuah antologi syair. Contoh syair beliau adalah seperti berikut,

إِنْ شِئْتْ أَنْ تَخْوِي الْمَعَالِيَ، فَادْرُغْ * صَبَرًا، فَإِنَّ الصَّبَرَ غُنْمٌ عَاجِلٌ
وَاحْلُمْ كَائِنَكَ جَاهِلٌ وَادْكُنْ كَائِنَكَ غَافِلٌ * سَكْنَ ذَاهِلٍ، وَأَفْطُنْ كَائِنَكَ غَافِلٌ
فِي الْأَهْرَارِ إِلَّا الْعَالَمُ الْمُتَجَاهِلُ * فَلَقَلَّمَا يُفْضِي إِلَى آرَابِيهِ

(Cakera Padat Mausū 'at al-Syi 'r al-Arab iy : 1999, Syarikat Komputer Arish)

Maksudnya:

“Sekiranya engkau inginkan ketinggian maka
berdindinglah dengan kesabaran
Sesungguhnya kesabaran itu akan menampakkan
hasil yang segera
Berlembutlah seakan engkau tidak mengetahui dan
beringatlah seakan engkau terlepas pandang dan
bijaksanalah engkau seakan engkau terlupa

Sedikit sangat orang yang membawa kepada kecelakaan melainkan orang yang mengetahui tetapi pura-pura tidak tahu”

b) Muḥammad Hāfiẓ Ibrāhīm (1870 – 1932)

Muhammad Hāfiẓ Ibrāhīm Fahmi merupakan penyair moden yang amat terkenal selepas Ahmad Syawqi. Beliau dilahirkan di desa Dairūt, Asyūṭ. Ibunya berketurunan Turki. Bapanya meninggal dunia ketika beliau masih kecil dan dipelihara oleh bapa saudaranya (adik ibunya) berserta ibunya di Kaherah dan seterusnya di Ṭanṭā untuk mengikuti bapa saudaranya yang berpindah ke sana.

Selepas itu, beliau memasuki sekolah tentera dan seterusnya bertugas sebagai pegawai tentera. Jawatan itu tidak sesuai dengan beliau. Setelah menganggur beberapa lama, beliau memulakan tugasnya di Dār al-Kutub. Beliau mempunyai ramai kenalan kerana sifatnya yang suka memberikan pertolongan dan menghiburkan rakan dengan syair di dalam majlis keramaian.

Syair gubahannya sangat indah, berpengaruh dalam jiwa pembaca, sesuai dengan susunan perkataan, beliau suka memilih kata yang indah, mementingkan isi dan kandungannya.

Syair ketika itu berfungsi sebagai alat propaganda politik yang mempengaruhi pemikiran masyarakat. Tema syair beliau yang tersohor adalah tema ratapan. Beliau banyak meratapi pemimpin-pemimpin negara dan sahabat-sahabatnya yang terlebih dahulu meninggalkannya. (Dr. ‘Alī Muḥammad Ḥasan, 1999 : 141)

Ini dapat dikesan daripada puisi beliau seperti berikut:

إذا تصفحت ديواني لقرأه * وجدت شعر المائي نصف ديواني

Maksudnya:

“Sekiranya engkau mengira lembaran antologi
puisiku untuk dibaca nescaya engkau dapati puisi
ratapan separuh daripadanya”

Puisi tersebut di atas melambangkan keperibadian penyair sendiri yang membesar dalam keadaan yatim piatu dan kesukaran kehidupan sebagai rintangan. Beliau merasakan jiwa beliau lemah tanpa ilmu, pekerjaan dan kedudukan. Faktor-faktor inilah yang menyebabkan beliau lebih terjurus ke arah ratapan dalam puisi beliau.

Contoh puisi ratapan beliau adalah sepeti berikut, sewaktu meratapi kematian Syaikh Muhammed 'Abduh;

علی الدُّلیا سَلَام

سَلَامٌ عَلَى الْإِسْلَامِ بَعْدَ مُحَمَّدٍ * سَلَامٌ عَلَى أَيَامِ النُّضُرَاتِ

عَلَى الدِّينِ وَالدُّنْيَا، عَلَى الْعِلْمِ وَالْحِجَاجِ * عَلَى الْبَرِّ وَالْقَوَىِ، عَلَى الْحَسَنَاتِ

لَقَدْ كُنْتُ أَخْشَى عَادِيَ الْمَوْتِ قَبْلَهُ * فَاصْبَحْتُ أَخْشَى أَنْ تَطُولَ حَيَاةً

فَوَالْهَفِيِ - وَالْقَبْرُ بَيْنِ وَبَيْنِهِ - * عَلَى نَظَرَةِ مِنْ تِلْكُمُ النَّظَرَاتِ

وَقَفْتُ عَلَيْهِ حَاسِرَ الرَّأْسِ خَائِعاً * كَائِنِي حِيَالَ الْقَبْرِ فِي عَرَفَاتِ

قَدْ جَهَلُوا قَدْرَ الْإِيمَامِ فَأَوْذَعُوا * تَجَالِيَدَهُ فِي مُوحِشٍ بَفَلَة

Maksudnya:

“Sejahtera ke atas Islam selepas Nabinya dan sejahteralah zamannya yang mekar

Ke atas agama dan dunia ke atas ilmu dan keintelektualan, ke atas kebaikan dan ketaqwaan, ke atas kecantikan

Aku takutkan kematian sebelumnya, begitu juga aku takut umurkau dipanjanggi,

Aduhai – kubur di antara aku dan dia – tidak jauh dari pandangan.

Lalu aku berdiri dengan menundukkan kepala kerana kekhusukan seolah-olah aku berada di perkuburan di ‘Arafat

Sesungguhnya mereka tidak menghargai jasa-jasa Imam (Muhammad ‘Abduh) lantas meninggalkan seruannya di padang pasir”

Syair tersebut di atas melambangkan keperibadian penyair sendiri yang lebih menjurus ka arah kesedihan berlatarbelakangkan kehidupan lampau beliau semasa kecil. (Dr. ‘Ali Muhammad Hasan, 1999 : 144)

c) **Aḥmad Syawqiyy Bek (1869 – 1932)**

Aḥmad Syawqiyy merupakan salah seorang penyair yang terkenal dalam abad ini. Beliau menerima gelaran sebagai “Amīr al-Syu’arā’ ” atau Raja Penyair. Sebuah majlis telah diadakan bagi meraikan antologi syair beliau al-Syawqiyyāt yang diulang cetak dengan dihadiri oleh wakil kerajaan Mesir dan wakil kerajaan negara-negara Arab untuk memahkotakan Aḥmad Syawqiyy dengan gelaran tersebut pada tahun 1927.

Buktinya Hāfiẓ Ibrāhīm menggubah syair yang berikut,

و هذى و قود الشرق قد بآيَتْ مَبِيعاً * أمير القوافي أتَيْتُ مَبِيعاً

Maksudnya :

“Hai Raja Penyair ! Sesungguhnya aku datang untuk memberikan kesetiaan bersama utusan dari timur semuanya untuk memberikan kesetiaan”

Bakatnya sebagai penyair terserlah sejak beliau masih kecil lagi dan ramai penyair yang berguru dengannya. Namanya sebagai penyair bukan sahaja terkenal di Mesir malah di seluruh Timur Tengah.

Dalam syair di atas, jelas menunjukkan bahawa Muḥammad Hāfiẓ Ibrāhīm datang kepada Aḥmad Syawqi sebagai tanda penghormatan kepada beliau. Penghormatan ini daripada semua penyair di Tanah Arab. Semua ini adalah kerana ketinggian mutu gubahan syair Aḥmad Syawqi. (Syawqi Dayf, 1992 : 113. Cet. 10)

Syair beliau sangat mementingkan isi dan maksud. Ini bererti beliau kurang mementingkan bahasa. Beliau pernah belajar di Perancis dalam bidang undang-undang dan kesusasteraan. Penjajah Perancis pula beranggapan beliau sangat merbahaya kepada penjajahan Perancis lalu membuangnya ke Sepanyol selama 5 tahun.

Tetapi akhirnya beliau dibenarkan pulang ke Mesir. Kepulangan beliau disambut oleh Hāfiẓ Ibrāhīm dengan puisinya,

عَقْبَرِي زَمَانِهِ

فَتَنْظُرِي يَا مِصْرُ سِحْرِ بِيَانِهِ * وَرَدَ الْكَنَانَةَ عَبْرِي زَمَانِهِ
 وَالْمَاءُ أَمْسَكَ فِيهِ عَنْ جَرَيَانِهِ * الْتَّلِيلُ قَدْ أَلْقَى إِلَيْهِ بِسْمِهِ
 وَالطَّيْرُ مُسْتَمْعٌ عَلَى أَفَانِيهِ * وَالزَّهْرُ مُصْبِغٌ وَالْحَمَائِلُ خَشْعٌ *

(Cakera Padat Mausū ‘āt al-Syi’r al-Arabiyy, 1999, Syarikat Komputer ‘Arish)

Maksudnya:

“Telah pulang ke Mesir genius zamannya, lihatlah
 Mesir keajaiban ujarannya
 Sungai Nil telah melemparkan pendengaran untuk
 mendengar puisinya, Airnya pula terhenti seketika,
 bunga-bunga mendengar ceria, pokok-pokok yang
 rendang khusyuk mendengarnya dan burung-burung
 mendengar atas dahan”

Sekembalinya ke Mesir, beliau telah mengasah dan mempertajamkan lagi bakat beliau yang sedia ada sehingga muncul sebagai penyair terkenal pada zaman moden ni. Antara syair beliau yang berbentuk simili dan falsafah adalah seperti berikut,

المدرسة

كَامٌ، لَا تَمِيلُ عَنِي من الْبَيْتِ إِلَى السَّجْنِ وَأَنْتَ الطَّيْرُ فِي الْفَصْنِ — وَلَا فَغْدًا — مِنِّي	* * * *	أَنَا الْمَدْرَسَةُ اجْعَلْنِي وَلَا تُفْرِغْ كَمَا خَوْذِي كَأَنِّي وَجْهَ صَيَّادٍ وَلَا بُدَّ لِكَ الْيَوْمَ
--	---------	--

أَوِ اسْتَغْنِيْ عَنِ الْعُقْلِ * إِذْنُ عَنِيْ تَسْتَغْنِي

* أَنَا الْمِصْبَاحُ لِلْفَكْرِ * أَنَا الْمِفْتَاحُ لِلْدَّهْنِ

(Cakera Padat Mausū ‘āt al-Syi ‘r al-Arabiyy, 1999, Syarikat Komputer ‘Arish)

Maksudnya:

“Saya adalah sekolah maka jadikan aku sebagai ibu, jangan jemu denganku
Jangan takut seperti ditarik daripada rumah ke dalam penjara
Seolah-olah aku pemburu dan engkau burung di atas dahannya
Tidak dapat tidak engkau akan bersamaku; hari ini mahupun esok
Atau engkau tidak menggunakan aqal maka engkau akan menjauhiku
Aku adalah lampu pemikiran; aku adalah kunci minda”

2.4 Penutup

Kesusasteraan Arab telah memainkan peranan dan mempunyai kedudukan yang amat penting sejak zaman Jāhiliyyah hingga ke hari ini. Pada zaman Jāhiliyyah, ia merupakan media komunikasi tunggal untuk masyarakat mendapatkan maklumat dan sebagainya. Oleh itu, kedudukan penyair lebih tinggi daripada ketua qabilah, dia menjadi jurucakap qabilah sewaktu suasana aman dan perang.

Serangkap syair gubahannya mampu menaikkan seseorang dan menjatuhkannya selepas itu. Oleh itu, ia ditakuti dan jika tertangkap dalam peperangan maka lidahnya akan

dipotong. Qabilah yang tidak mempunyai penyair merasa hina dan miskin. Terdapat tujuh penyair handalan Arab Jahiliah di mana karya mereka dikenali sebagai al-Mu'allaqāt.

Suasana hidup 'aṣabiyyat dan qabilah menjadikan syair mempunyai tema-temanya yang tersendiri, iaitu ḥamāsat, fakhr, madḥ, hijā' tasybīb, ghazal dan sebagainya. Kedatangan Islam telah mengubah fungsi kesusasteraan Arab Jahiliah dengan menjadikannya sebagai media untuk menyebarkan dakwah Islāmiyyah.

Penyair Jāhiliyyah menggunakan syair untuk menghina Islam dan umatnya. Oleh itu, penyair Islam juga menggunakan syair untuk mempertahankannya. Islam juga tidak menolak semua tema syair Jāhiliyyah. Hanya tema yang bertentangan dengan aqidah, syara' dan akhlak sahaja yang ditolak dan tema yang lain diterima.

Malah Islam menghargai syair sebagai media untuk meningkatkan keimanan, ketakwaan dan amal salih serta melakukan perkara yang mereka perjuangkan dalam syair mereka. Tetapi pada zaman kerajaan Umawiyah dan Abbasiyyah golongan pemerintah berusaha untuk mengekalkan kekuasaan masing-masing dengan apa cara sekalipun.

Sebahagian mereka sanggup kembali kepada 'aṣabiyyat jahiliah seperti yang dilakukan Bani Umayyah, menggalakkkan maksiat dan kemungkaran agar rakyat lupa kepada hal pemerintahan zaman Bani 'Abbās iaitu sepertimana yang tergambar dalam syair ketika itu.

Walau bagaimanapun, syair bertemakan kecintaan kepada akhlak yang mulia, keimanan, ketaqwaan dan amal salih tetap juga dominan. Zaman moden dalam sejarah perkembangan kesusasteraan Arab telah bermula sebaik sahaja berlakunya penjajahan Perancis ke atas Mesir.

Penyemarakan semangat untuk mencapai kemerdekaan begitu berkesan sekali dengan menggunakan Islam sebagai asas yang menyalakan semangat itu. Lebih ketara lagi apabila segolongan penyair menggunakan syair yang mementingkan keimanan, ketaqwaan, dan amal salih serta kembali kepada cara hidup Islam yang mutlak.